

BAB EMPAT

BAB EMPAT

ANALISIS DATA

4.1 Pendahuluan

Bab ini membentangkan hasil dapatan yang diperolehi menerusi soal selidik, pemerhatian dan ujian bertulis yang telah dijalankan sepanjang kajian. Dapatan kajian dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu maklumat biodata subjek, situasi pembelajaran dan persepsi subjek terhadap pembelajaran bahasa Arab, perlaksanaan strategi pembelajaran bahasa Arab, keputusan ujian bertulis pra dan pos serta masalah yang dihadapi subjek ketika pembelajaran bahasa Arab di dalam kelas.

4.2 Biodata Subjek:

Subjek diminta mengisi borang soal selidik bahagian A yang merekodkan kod nombor subjek, umur, jantina, pendapatan keluarga, bahasa pertuturan di rumah, keputusan PMR, keputusan Bahasa Arab Komunikasi dalam PMR dan cita-cita.

Seramai sembilan puluh orang subjek telah dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu tiga puluh orang dari Kumpulan Eksperimen A yang memegang kod bernombor 1 hingga 30, tiga puluh orang subjek dari Kumpulan Eksperimen B berlabel 31 hingga 60 dan tiga puluh orang subjek dari Kumpulan Kawalan yang diberi kod bernombor 61 hingga 90.

Penggunaan kod bernombor menggantikan nama sebagai pengenalan diri adalah bertujuan supaya subjek tidak merasa ragu-ragu, takut atau malu semasa maklumat

direkodkan sepanjang kajian. Ia juga penting untuk mewujudkan rasa adil dan sama rata di kaca mata pengkaji yang memang mengenali subjek di samping memudahkan proses memasukkan data ke dalam komputer.


Semua subjek berusia enam belas tahun. Subjek dipilih daripada kalangan pelajar tingkatan empat di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Selangor bagi sesi pembelajaran 2001.

Penulis menggunakan operasi *Crosstabs* untuk memaparkan biodata subjek dan menghuraikan frekuensi penggunaan item strategi. Arahan *Crosstabs* membolehkan pengguna menghasilkan suatu ukuran perhubungan antara dua pembolehubah dalam bentuk jadual frekuensi dua hala dan pelbagai hala (Mohd.Salleh dan Zaidatun, 2001: 176).

Jadual 4.1: Taburan subjek mengikut jantina.

Kumpulan Subjek	Jantina				Jumlah	
	Lelaki		Perempuan			
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Eksperimen A	6	6.7	24	26.7	30	33.3
Eksperimen B	9	10.0	21	23.3	30	33.3
Kawalan	13	14.4	17	18.9	30	33.3
Jumlah	28	31.1	62	68.9	90	100.0

Jadual 4.1 menunjukkan kumpulan Eksperimen A terdiri daripada 6 orang lelaki dan 24 perempuan, manakala kumpulan Eksperimen B di sertai oleh 9 lelaki dan 21 orang perempuan dan kumpulan Kawalan mempunyai paling ramai lelaki iaitu 13 orang dan berbanding 17 perempuan.




Rajah 4.1: Taburan subjek mengikut jantina.

Di dalam rajah 4.1 jelas kelihatan bahawa bilangan pelajar perempuan lebih ramai daripada pelajar lelaki. 62 orang daripada keseluruhan subjek ialah pelajar perempuan dan 28 orang ialah pelajar lelaki.

Jadual 4.2: Taburan subjek mengikut jurusan:

Bil	Kategori Kumpulan	Jurusan	N	Peratus
1	Kumpulan Eksperimen A	Sains Tulen /Pengajian Islam	30	33.3 %
2	Kumpulan Eksperimen B:	Teknik Kejuruteraan /Pengajian Islam	30	33.3%
3	Kumpulan Kawalan:	Sastera Ikhtisas (Perakaunan)/ Pengajian Islam	30	33.3%
	Jumlah	103	90	100%

Sebagaimana yang dilihat dalam jadual 4.2, kumpulan subjek dikategorikan mengikut bidang jurusan akademik. Kumpulan Eksperimen A adalah terdiri daripada 30 subjek yang belajar dalam jurusan Sains Tulen / Pengajian Islam, Kumpulan Eksperimen B daripada 30 subjek berjurusan Teknik Kejuruteraan/ Pengajian Islam dan 30 subjek dari jurusan Sastera Ikhtisas (Perakaunan) / Pengajian Islam dimasukkan ke dalam Kumpulan Kawalan.



Rajah 4.2: Pendapatan keluarga subjek.

Rajah 4.2 memaparkan bahawa kebanyakan subjek berasal dari keluarga yang digolongkan dalam tingkat sosio-ekonomi yang rendah dan sederhana dengan perolehan pendapatan RM 1,000.00 ke bawah iaitu seramai 37.8%, diikuti pendapatan RM 1,001.00-2,000.00 sebanyak 22.2%, RM 2,001-3,500 sebanyak 17.8% dan RM 3,501-5,000 sebanyak 13.3% berbanding dengan hanya 8.9% berasal dari keluarga berada yang berpendapatan RM 5,000.00 ke atas.

Jadual 4.3: Taburan subjek mengikut pendapatan keluarga.

Kumpulan Subjek	Pendapatan Keluarga (RM)					Jumlah
	1,000 ke bawah	1,001-2,000	2,001-3,500	3,501-5,000	5,000 ke atas	
Eksperimen A	13 (14.4%)	9 (10.0%)	4 (4.4%)	3 (3.3%)	1 (1.1%)	30 (33.3%)
Eksperimen B	8 (8.9%)	6 (6.7%)	8 (8.9%)	6 (6.7%)	2 (2.2%)	30 (33.3%)
Kawalan	13 (14.4%)	5 (5.6%)	4 (4.4%)	3 (3.3%)	5 (5.6%)	30 (33.3%)
Jumlah	34 (37.8%)	20 (22.2%)	16 (117.8%)	12 (13.3%)	8 (8.9%)	90 (100%)

Jadual 4.3 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan pendapatan keluarga subjek mengikut kumpulan. Tiada perbezaan yang ketara dari sudut taburan pendapatan keluarga subjek mengikut kumpulan kajian.

Jadual 4.4 Bahasa yang digunakan subjek di rumah


	Kumpulan subjek				Jumlah
	Eksperimen A	Eksperimen B	Kawalan		
1.00 BM	14 15.6%	14 15.6%	21 23.3%	49 54.4%	
2.00 BM/BI	12 13.3%	11 12.2%	7 7.8%	30 33.3%	
3.00 BM/BA	1 1.1%	2 2.2%	2 2.2%	5 5.6%	
4.00 BM/BI/BA	3 3.3%	3 3.3%		6 6.7%	
Jumlah	30 33.3%	30 33.3%	30 33.3%	90 100%	

Jadual 4.4 menunjukkan tiada perbezaan yang ketara antara kumpulan subjek dari segi bahasa yang digunakan di rumah. Majoriti subjek iaitu 49 orang hanya menggunakan bahasa Malaysia di rumah, manakala 35 orang menggunakan dua bahasa samada bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris atau gabungan bahasa Malaysia dan bahasa Arab. Hanya 6 orang subjek iaitu dari kumpulan Eksperimen A dan B yang boleh menggunakan gabungan 3 bahasa. Ini bermakna, hanya 11 orang yang terdedah kepada penggunaan bahasa Arab ketika di rumah.

Jadual 4.5: Taburan keputusan PMR subjek mengikut kumpulan.

Kumpulan subjek	Keputusan PMR				Jumlah
	1A-2A	3A-5A	6A-7A	8A-9A	
Eksperimen A	-	5 5.6%	16 17.8%	9 10.0%	30 33.3%
Eksperimen B	1 1.1%	11 12.2%	15 16.7%	3 3.3%	30 33.3%
Kawalan	3 3.3%	11 12.2%	12 13.3%	4 4.4%	30 33.3%
Jumlah	4 4.4%	27 30.0%	43 47.8%	16 17.8%	90 100%

Jadual 4.5 menunjukkan bahawa 16 orang (17.8%) mendapat keputusan cemerlang iaitu 8A-9A, majoriti subjek iaitu 43 orang (47.8%) mendapat 6A-7A, diikuti 27 orang (30%) mendapat 3A-5A dan hanya 4 orang (4.4%) daripada subjek memiliki pencapaian 1A-2A dalam peperiksaan PMR.




Rajah 4.3: Taburan keputusan PMR mengikut kumpulan subjek

Berdasarkan rajah 4.3, kumpulan Eksperimen A didapati mendapat keputusan paling cemerlang berbanding kumpulan subjek lain dengan catatan minimum 3A-5A seramai 5 orang dan maksimum 8A-9A seramai 9 orang.

Walaupun ada subjek dari kumpulan Eksperimen B dan kumpulan Kawalan mendapat 8A-9A, tetapi catatan minimum masih menjangkau 1A-2A. Tiada perbezaan yang ketara pada tahap pencapaian antara kumpulan Eksperimen B dan kumpulan Kawalan di mana kebanyakannya subjek mendapat 3A-7A.

Kesemua subjek mengambil mata pelajaran Bahasa Arab Tinggi sebagai mata pelajaran elektif. Mereka telah lulus mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi (BAK) di peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR) dengan dengan pencapaian baik iaitu sekurang-kurangnya C bagi melayakkan mereka diterima masuk ke sekolah ini.



Rajah 4.4 Keputusan subjek dalam mata pelajaran BAK dalam PMR

Rajah 4.4 menunjukkan bahawa semua subjek mendapat sekurang-kurangnya gred C dalam mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi dalam Penilaian Menengah Rendah iaitu 11%, gred B seramai 26% dan cemerlang iaitu gred A 63%. Ini bermakna, semua subjek mempunyai potensi untuk terus menguasai bahasa Arab dengan baik di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.

Jadual 4.6 Keputusan BAK dalam PMR subjek mengikut kumpulan.

Kumpulan Subjek	Keputusan BAK dalam PMR			Jumlah
	A	B	C	
Eksperimen A	23 (25.6%)	6 (6.7%)	1 (1.1%)	30 (33.3%)
Eksperimen B	17 (18.9%)	8 (8.9%)	5 (5.6%)	30 (33.3%)
Kawalan	17 (18.9%)	9 (10.0%)	4 (4.4%)	30 (33.3%)
Jumlah	57 (63.3%)	23 (25.6%)	10 (11.1%)	90 (100%)

Jadual 4.6 menunjukkan taburan keputusan BAK dalam PMR subjek mengikut kumpulan secara terperinci. Sama seperti keputusan keseluruhan PMR, kumpulan Eksperimen A mencatatkan keputusan paling cemerlang iaitu gred A seramai 23 orang, 6 orang mendapat gred B dan hanya seorang gred C. Manakala tidak kelihatan perbezaan yang ketara dalam pencapaian antara kumpulan Eksperimen B dan Kawalan.

Jadual 4.7 : Cita-cita subjek

	Kumpulan subjek			Jumlah
	Eksperimen A	Eksperimen B	Kawalan	
1.00 perubatan	16 17.8%			16 17.8%
2.00 pendidikan	10 11.1%	5 5.6%	11 12.2%	26 28.9%
3.00 kejuruteraan	1 1.1%	5 5.6%	4 4.4%	10 11.1%
4.00 pentadbiran		1 1.1%	1 1.1%	2 2.2%
5.00 perniagaan		3 3.3%		3 3.3%
6.00 pertanian		1 1.1%		1 1.1%
8.00 arkitek/pembinaan		4 4.4%	3 3.3%	7 7.8%
9.00 perakaunan		5 5.6%	5 5.6%	10 11.1%
10.00 perguaman	1 1.1%	2 2.2%	3 3.3%	6 6.7%
11.00 saintis	2 2.2%	1 1.1%		3 3.3%
12.00 lain-lain		3 3.3%	3 3.3%	6 6.7%
Jumlah	30 33.3%	30 33.3%	30 33.3%	90 100%

Berdasarkan jadual 4.7, Subjek dari kumpulan Eksperimen A hanya berminat untuk menceburi 5 bidang kerjaya yang berkaitan dengan jurusan mereka sahaja iaitu perubatan (16 orang), pendidikan (10 orang), saintis (2 orang), dan perguaman serta kejuruteraan masing-masing seorang.


Subjek dari kumpulan Eksperimen B pula berpeluang untuk memiliki cita-cita dalam bidang kerjaya yang lebih meluas terutama dalam pendidikan, kejuruteraan, pembinaan dan perakaunan serta bidang lain seperti pentadbiran, perniagaan, pertanian, perguaman, saintis dan lain-lain.

Manakala subjek dari kumpulan Kawalan pula didapati cenderung kepada kerjaya yang sesuai dengan aliran mereka terutamanya pendidikan (11 orang) dan perakaunan (5 orang) serta bidang lain seperti kejuruteraan, pembinaan, perguaman, pentadbiran dan lain-lain.

4.3 Analisis Situasi Subjek di dalam Kelas Pembelajaran Bahasa Arab:


Berikut dipaparkan situasi yang dilalui subjek semasa pembelajaran bahasa Arab di dalam kelas bertujuan menunjukkan tahap minat dan keyakinan subjek terhadap bahasa Arab. Ia adalah gabungan hasil soal selidik Bahagian 2 dan pemerhatian yang dilakukan penulis. Soal selidik ini dijalankan di akhir sesi pemerhatian di penghujung semester kedua dan sebelum subjek menghadapi ujian pos secara bertulis. Berikut dibentangkan maklumat yang diperolehi sepanjang kajian:

4.3.1 Minat subjek untuk mempelajari bahasa Arab:



Rajah 4.5: Taburan minat belajar bahasa Arab subjek mengikut kumpulan:

Rajah 4.5 menunjukkan bahawa semua subjek dari kumpulan Eksperimen A (100%) sangat berminat untuk belajar bahasa Arab. Diikuti rapat oleh kumpulan Eksperimen B iaitu 21 orang yang memiliki minat yang tinggi terhadap pembelajaran bahasa Arab dan 9 orang berminat belajar mata pelajaran yang sama. Ini sangat berbeza dengan dapatan yang dikumpul dari subjek kumpulan Kawalan iaitu hanya seorang berminat manakala 19 orang tidak berminat dan 10 orang sangat tidak berminat belajar bahasa Arab.



Rajah 4.6 Taburan min minat subjek terhadap pembelajaran bahasa Arab

Berdasarkan rajah 4.6, penulis mendapati kumpulan Eksperimen A mempunyai min minat terhadap bahasa Arab yang paling tinggi iaitu 4.0000, diikuti oleh kumpulan Eksperimen B dengan catatan min 3.7000. Walau bagaimanapun, kumpulan kawalan mencatatkan min yang sangat rendah iaitu pada paras 1.7000 sahaja. Ini membuktikan setelah menjalani sesi pembelajaran bahasa Arab, kumpulan Kawalan didapati tidak meminati mata pelajaran ini.

4.3.2 Tujuan subjek mempelajari bahasa Arab:

Jadual 4.8 Tujuan belajar bahasa Arab mengikut kumpulan subjek.

Tujuan belajar bahasa Arab	Eksperimen A N = 30 (33.3%)	Eksperimen B N = 30 (33.3%)	Kawalan N = 30 (33.3%)	Jumlah N = 90 (100%)
Desakan keluarga		2 (2.2%)	3 (3.3%)	5 (5.6%)
Peraturan sekolah		3 (3.3%)	13 (14.4%)	16 (17.8%)
Lulus periksa	4 (4.4%)	2 (2.2%)	14 (15.6%)	20 (22.2%)
Ingin melanjutkan pelajaran ke luar negara	13 (14.4%)	15 (16.7%)		28 (31.1%)
Cenderung menguasai bahasa Arab	13 (14.4%)	8 (8.9%)		21 (23.3%)

Berdasarkan jadual 4.8 di atas, kebanyakan subjek kumpulan Eksperimen A mempunyai tujuan belajar bahasa Arab untuk jangka panjang iaitu ingin melanjutkan pelajaran ke luar negara (13 orang) dan 13 orang lagi memiliki tujuan yang mantap iaitu memang mempunyai kecenderungan untuk menguasai bahasa Arab.

Subjek dari kumpulan Eksperimen B pula mempunyai tujuan yang berbeza-beza. Separuh daripadanya berkeazaman menjadikan bahasa Arab sebagai persiapan untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara dan 8 orang lagi memang menyukai pembelajaran bahasa Arab.

Tujuan subjek kumpulan Kawalan mempelajari bahasa Arab mempamerkan sikap tidak minat belajar bahasa Arab iaitu mereka merasa terpaksa belajar bahasa Arab kerana desakan keluarga (3 orang), peraturan sekolah (13 orang) dan sekadar untuk lulus periksa (14 orang).

4.3.3 Persepsi subjek terhadap bahasa Arab

Jadual 4.9: Persepsi subjek terhadap Bahasa Arab sebagai bahasa yang mudah dipelajari.

	Kumpulan subjek			Jumlah
	Eksperimen A	Eksperimen B	Kawalan	
1.00 amat tidak setuju			5 5.6%	5 5.6%
2.00 tidak setuju			25 27.8%	25 27.8%
3.00 setuju	9 10.0%	17 18.9%		26 28.9%
4.00 amat setuju	21 23.3%	13 14.4%		34 37.8%
Jumlah	30 33.3%	30 33.3%	30 33.3%	90 100.0%

Jadual 4.9 menunjukkan bahawa majoriti subjek dari kumpulan Eksperimen A (21 orang) sangat bersetuju bahawa bahasa Arab adalah mata pelajaran yang mudah dipelajari dan bakinya (9 orang) bersetuju dengan pendapat yang sama. Ini diikuti rapat oleh 13 subjek dari kumpulan Eksperimen B yang sangat bersetuju dan 17 bersetuju.

Malangnya, semua subjek dari kumpulan Kawalan menafikan pendapat ini. 25 orang daripada mereka tidak bersetuju dan 5 orang sangat tidak bersetuju bahawa bahasa Arab mudah dipelajari.

4.3.4 Pandangan subjek terhadap pengajaran guru:

Subjek disoal samada guru memberi tunjuk ajar cara-cara atau teknik mempelajari bahasa Arab dengan teratur bagi setiap topik di dalam kelas. Berikut dibentangkan dapatan tersebut:

Jadual 4.10 Guru tunjuk cara belajar bahasa Arab dengan teratur

	kumpulan subjek			jumlah
	Eksperimen A	Eksperimen B	Kawalan	
amat tidak setuju			10 11.1%	10 11.1%
tidak setuju			19 21.1%	19 21.1%
setuju		2 2.2%	1 1.1%	3 3.3%
amat setuju	30 33.3%	28 31.1%		58 64.4%
jumlah	30 33.3%	30 33.3%	30 33.3%	90 100%

Jadual 4.10 menunjukkan semua subjek dari kumpulan Eksperimen A sangat bersetuju bahawa guru telah memberi tunjuk ajar cara mempelajari bahasa Arab dengan teratur dan sistematis semasa sesi pembelajaran di dalam kelas bagi setiap topik pelajaran. Ini diikuti rapat oleh kumpulan Eksperimen B di mana majoriti subjek (28 orang) sangat bersetuju dan 2 orang lagi bersetuju.

Berbanding dengan subjek dari kumpulan Kawalan, hanya seorang yang bersetuju dengan pendapat tersebut, manakala 19 orang tidak bersetuju dan sepuluh orang sangat tidak bersetuju. Mereka mendakwa guru mencampur-adukkan antara beberapa topik dalam satu sesi pembelajaran menjadikan mereka keliru. Guru juga menukar kepada

topik baru sebelum pelajar berpeluang menguasainya. Kamariah Abu Bakar dan rakan-rakan (1994: 2) mendapati ramai guru bahasa Arab kurang mempelbagaikan kaedah pengajaran.

4.3.5 Peluang subjek untuk aktif dalam aktiviti pembelajaran:

Jadual 4.11 Berpeluang aktif dalam aktiviti bahasa Arab di kelas

	kumpulan subjek			jumlah
	Eksperimen A	Eksperimen B	Kawalan	
amat tidak setuju			11 12.2%	11 12.2%
tidak setuju			19 21.1%	19 21.1%
setuju	4 4.4%	4 4.4%		8 8.9%
amat setuju	26 28.9%	26 28.9%		52 57.8%
jumlah	30 33.3%	30 33.3%	30 33.3%	90 100.0%

Seterusnya sebagaimana yang dipaparkan dalam jadual 4.11, penulis mengkaji samada subjek diberi peluang untuk menyertai aktiviti pembelajaran di dalam kelas dengan aktif atau sebaliknya. Kedua-dua kumpulan subjek Eksperimen A dan B berkongsi pengalaman yang sama di dalam hal ini. 52 orang sangat bersetuju dan 8 orang lagi juga bersetuju bahawa mereka diberi peluang untuk menyertai aktiviti pembelajaran bahasa Arab dengan aktif di dalam kelas.

Bagi mereka, aktiviti pembelajaran di dalam kelas seperti main peranan, bernasyid, mendengar kaset dialog cerita pendek penutur berbangsa Arab, menyelesaikan masalah atau teka-teki, latihan dalam kumpulan, kuiz, permainan bahasa dan menyediakan nota

dan buku skrap mempercepatkan proses memahami pelajaran kerana ia lebih praktikal dan hampir dalam kehidupan yang nyata.

Subjek dari kumpulan Kawalan pula mengalami pengalaman yang sebaliknya. 19 orang tidak bersetuju dan 11 orang sangat tidak bersetuju bahawa mereka diberi peluang untuk menjalani aktiviti pembelajaran bahasa Arab di dalam kelas dengan aktif. Mereka hanya mendengar penerangan guru tentang topik yang diajar, menyalin nota atau terjemahan teks dan menulis karangan sebagai tugas lanjutan. Kadangkala guru menyolal soalan yang berkaitan topik pelajaran secara lisan semasa di dalam pengajarannya tetapi ia terhad dan tidak disertai oleh semua pelajar secara menyeluruh.

4.3.6 Peluang subjek memilih tajuk karangan atau tugasan:

Penulis meninjau samada subjek diberi peluang untuk memilih tajuk karangan atau bentuk tugasan yang sesuai dan mahu diselesaikan oleh subjek atau segala-galanya telah ditetapkan oleh guru semasa memberikan latihan topikal atau latihan lanjutan.

Jadual 4.12: Berpeluang pilih tajuk karangan atau tugasan.

	Kumpulan subjek			Jumlah
	Eksperimen A	Eksperimen B	Kawalan	
1.00 amat tidak setuju			4 4.4%	4 4.4%
2.00 tidak setuju			26 28.9%	26 28.9%
3.00 setuju	10 11.1%	20 22.2%		30 33.3%
4.00 amat setuju	20 22.2%	10 11.1%		30 33.3%
Jumlah	30 33.3%	30 33.3%	30 33.3%	90 100.0%

Jadual 4.12 menunjukkan bahawa 20 orang subjek dari kumpulan Eksperimen A sangat bersetuju dan 10 orang lagi bersetuju, manakala 10 orang subjek dari kumpulan Eksperimen B sangat setuju dan 20 orang lagi bersetuju. Mereka didedahkan dengan isu tertentu dan diberi pilihan untuk mengupas isu tersebut dari aspek yang berbeza dan dalam bentuk gaya penulisan atau format karangan yang dipilih oleh pelajar sendiri.

Berbeza dengan subjek dari kumpulan Kawalan yang tidak setuju bahawa mereka berpeluang memilih sendiri tajuk karangan atau bentuk penulisan semasa pembelajaran sebaliknya guru menetapkan tajuk dan bentuk karangan semasa membuat soalan dalam latihan penulisan di kelas.

4.3.7 Peluang subjek menggunakan bahan bacaan tambahan:

Jadual 4.13: Berpeluang guna bahan bacaan tambahan bahasa Arab

	Kumpulan subjek			Jumlah
	Eksperimen A	Eksperimen B	Kawalan	
1.00 amat tidak setuju			23 25.6%	23 25.6%
2.00 tidak setuju			7 7.8%	7 7.8%
3.00 setuju	9 10.0%	18 20.0%		27 30.0%
4.00 amat setuju	21 23.3%	12 13.3%		33 36.7%
Jumlah	30 33.3%	30 33.3%	30 33.3%	90 100%

Berdasarkan jadual 4.13, subjek dari kumpulan Eksperimen A dan B berpeluang menggunakan bahan bacaan tambahan bahasa Arab seperti buku cerita, ensaiklopedia,

majalah dan kaset. Bahan ini didedahkan kepada mereka semasa melaksanakan aktiviti pembelajaran di dalam Pusat Sumber Bahasa Arab di sekolah. Mereka juga terlibat dalam program Bacaan Meluas, menulis synopsis buku atau petikan, menulis buku skrap, menyediakan nota dan alat bantuan mengajar bahasa Arab.

Sebahagian besar subjek dari kumpulan Kawalan pula tidak mendapat pendedahan yang serupa. Pembelajaran mereka berpusat di dalam kelas dan terhad kepada penggunaan bahan biasa seperti buku teks, kamus dan buku latihan.

4.3.8 Peluang subjek untuk berosal-jawab semasa pembelajaran bahasa Arab

Jadual 4.14: Berpeluang bertanya dan menjawab soalan dalam kelas.

	Kumpulan subjek			Jumlah
	Eksperimen A	Eksperimen B	Kawalan	
1.00 amat tidak setuju			2 2.2%	2 2.2%
2.00 tidak setuju			21 23.3%	21 23.3%
3.00 setuju	7 7.8%	5 5.6%	7 7.8%	19 21.1%
4.00 amat setuju	23 25.6%	25 27.8%		48 53.3%
Jumlah	30 33.3%	30 33.3%	30 33.3%	90 100%

Jadual 4.14 menunjukkan bahawa subjek kumpulan Eksperimen A dan B mempunyai peluang yang tinggi untuk menyertai sesi perbincangan dan soal jawab semasa pembelajaran. Mereka bertanya sesuatu yang tidak difahami kepada guru atau rakan secara langsung. Mereka juga dapat berbincang bersama semasa menyelesaikan

masalah yang timbul. Subjek juga berpeluang membentangkan dapatan tugas atau menjawab soalan di hadapan kelas.

Hanya 7 orang subjek dari kumpulan Kawalan yang mengaku berpeluang melakukan aktiviti perbincangan dan soal jawab manakala sebahagian besar menafikannya.

4.3.9 Perasaan subjek semasa sesi pembelajaran bahasa Arab

Jadual 4.15: Seronok belajar bahasa Arab di dalam kelas

	Kumpulan subjek			Jumlah
	Eksperimen A	Eksperimen B	Kawalan	
1.00 amat tidak setuju			11 12.2%	11 12.2%
2.00 tidak setuju			16 17.8%	16 17.8%
3.00 setuju	5 5.6%	2 2.2%	3 3.3%	10 11.1%
4.00 amat setuju	25 27.8%	28 31.1%		53 58.9%
Jumlah	30 33.3%	30 33.3%	30 33.3%	90 100.0%

Jadual 4.15 menunjukkan bahawa subjek dari kumpulan Eksperimen A dan B merasa sangat seronok menjalani sesi pembelajaran bahasa Arab di dalam kelas. Mereka menumpukan perhatian terhadap aktiviti yang disertai hingga tidak sedar sesi pembelajaran selama 80 minit telah tamat. Selanjutnya, mereka juga menubuhan kumpulan perbincangan untuk mengulangkaji bahasa Arab di waktu petang atau malam dan selalu bertemu guru yang mengajar bahasa Arab pada bila-bila masa terluang.

Hanya 3 orang subjek dari kumpulan Kawalan yang merasa seronok semasa menghadapi tempoh pembelajaran bahasa Arab di dalam kelas. Majoriti subjek merasa bosan dan mengantuk kerana pengajaran berbentuk sehala dan jika ada aktiviti atau sesi soal jawab, ia hanya mehibatkan pelajar tertentu sahaja.

4.3.10 Persepsi subjek terhadap tahap pencapaian bahasa Arab:

Subjek diminta menilai sendiri tahap pencapaian bahasa Arab mereka. Ini menggambarkan sejauh mana keyakinan subjek menguasai bahasa Arab setelah mempelajarinya sepanjang sesi pembelajaran semester kedua.

Jadual 4.16: Persepsi subjek terhadap tahap pencapaian bahasa Arab

	Kumpulan subjek			Jumlah
	Eksperimen A	Eksperimen B	Kawalan	
1.00 E = sangat lemah			7 7.8%	7 7.8%
2.00 D = lemah			8 8.9%	8 8.9%
3.00 C = sederhana		1 1.1%	14 15.6%	15 16.7%
4.00 B = baik	17 18.9%	17 18.9%	1 1.1%	35 38.9%
5.00 A = cemerlang	13 14.4%	12 13.3%		25 27.8%
Jumlah	30 33.3%	30 33.3%	30 33.3%	90 100.0%

Jadual 4.16 menunjukkan bahawa subjek dari kumpulan Eksperimen A dan B merasa yakin dan berpuas hati terhadap tahap pencapaian mereka dalam bahasa Arab. Hanya seorang subjek dari kumpulan Eksperimen B memilih tahap sederhana.

Berbanding dengan subjek dari kumpulan Kawalan, hanya seorang merasa dirinya berada di tahap baik dan 14 orang sederhana. Manakala 8 orang mengaku berada di tahap lemah dan 7 orang menganggap diri mereka sangat lemah.

4.3.11 Sikap subjek jika menghadapi kesulitan semasa pembelajaran bahasa Arab:

Jadual 4.17: Tidak putus asa jika menghadapi kesulitan.

	Kumpulan subjek			Jumlah
	Eksperimen A	Eksperimen B	Kawalan	
1.00 amat tidak setuju			3 3.3%	3 3.3%
2.00 tidak setuju			24 26.7%	24 26.7%
3.00 setuju	5 5.6%	15 16.7%	3 3.3%	23 25.6%
4.00 amat setuju	25 27.8%	15 16.7%		40 44.4%
Jumlah	30 33.3%	30 33.3%	30 33.3%	90 100.0%

Jadual 4.17 menunjukkan subjek dari kumpulan Eksperimen A dan B memiliki keazaman yang tinggi di mana mereka tidak akan berputus asa sekiranya menghadapi kesulitan semasa pembelajaran bahasa Arab. Mereka mempunyai banyak alternatif untuk memilih mana-mana strategi yang sesuai untuk mengatasi kesulitan tersebut bukan sahaja semasa belajar, malah juga semasa menghadapi peperiksaan.

Hanya 3 orang subjek dari kumpulan Kawalan yang bersetuju manakala majoritinya menganggap kesulitan semasa belajar bahasa Arab adalah masalah yang sukar diatasi.

4.3.12 Keyakinan subjek untuk menghadapi peperiksaan bahasa Arab:

Jadual 4.18: Lebih yakin untuk menghadapi peperiksaan.

	Kumpulan subjek			Jumlah
	Eksperimen A	Eksperimen B	Kawalan	
1.00 amat tidak setuju			15 16.7%	15 16.7%
2.00 tidak setuju			15 16.7%	15 16.7%
3.00 setuju	5 5.6%	9 10.0%		14 15.6%
4.00 amat setuju	25 27.8%	21 23.3%		46 51.1%
Jumlah	30 33.3%	30 33.3%	30 33.3%	90 100%

Jadual 4.18 menunjukkan subjek dari kumpulan Eksperimen A dan B lebih mempunyai keyakinan dan kekuatan diri untuk menghadapi peperiksaan. Pengalaman menggunakan strategi dalam latihan dan aktiviti pembelajaran bahasa Arab memberi keyakinan kepada mereka bahawa peperiksaan adalah sesi penilaian yang diperlukan. Peperiksaan bukanlah sesuatu yang menakutkan malahan keputusannya dinantikan sebagai hasil usaha mereka selama ini.

Subjek dari kumpulan Kawalan pula berpendapat sebaliknya. Mereka merasa bimbang dan tidak bersedia menghadapi peperiksaan yang dianggap sebagai tekanan. Peperiksaan adalah sesuatu yang mendebaran dan menghantui diri menyebabkan mereka gelisah memikirkan keputusan yang bakal diperolehi.

4.3.13 Sasaran pencapaian bahasa Arab subjek dalam mata pelajaran bahasa Arab di peringkat SPM

Jadual 4.19: Jangkaan sasaran pencapaian bahasa Arab dalam SPM.

	Kumpulan subjek			Jumlah
	Eksperimen A	Eksperimen B	Kawalan	
3.00 D = lemah			16 17.8%	16 17.8%
4.00 C = sederhana	7 7.8%	2 2.2%	14 15.6%	23 25.6%
5.00 B = baik	23 25.6%	28 31.1%		51 56.7%
Jumlah	30 33.3%	30 33.3%	30 33.3%	90 100.0%

Jadual 4.19 menunjukkan keyakinan sebahagian besar subjek dari kumpulan Eksperimen A dan B terhadap kejayaan dalam bahasa Arab. Mereka mensasarkan pencapaian baik dan sebahagian kecil sahaja yang meletakkan sasaran sederhana bagi pencapaian bahasa Arab dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia pada tahun hadapan.

Sebaliknya, seramai 14 orang subjek kumpulan Kawalan meletakkan sasaran sederhana dan 16 orang mensasarkan tahap lemah. Mereka kurang yakin untuk meletakkan harapan pada pencapaian yang lebih baik.

4.3.14 Saran subjek untuk melanjutkan pembelajaran bahasa Arab ke peringkat tertentu:

Jadual 4.20: Cadangan meneruskan pembelajaran bahasa Arab ke peringkat tertentu.

	Kumpulan subjek			Jumlah
	Eksperimen A	Eksperimen B	Kawalan	
1.00 SPM			28 31.1%	28 31.1%
2.00 Diploma		1 1.1%	2 2.2%	3 3.3%
3.00 Ijazah Sarjana Muda	9 10.0%	13 14.4%		22 24.4%
4.00 Sarjana		1 1.1%		1 1.1%
5.00 PhD	21 23.3%	15 16.7%		36 40.0%
Jumlah	30 33.3%	30 33.3%	30 33.3%	90 100.0%

Jadual 4.20 menunjukkan keyakinan yang mantap pada minat subjek untuk melanjutkan pembelajaran bahasa Arab di peringkat institusi pengajian tinggi. 21 orang subjek dari kumpulan Eksperimen A dan 15 orang subjek dari kumpulan Eksperimen B mahu meneruskan pembelajaran bahasa Arab hingga ke peringkat doktor falsafah, 23 orang subjek dari kumpulan Eksperimen A dan B di peringkat sarjana dan sarjana muda dan seorang di peringkat diploma.

Majoriti subjek kumpulan Kawalan (28 orang) ingin menamatkan pembelajaran bahasa Arab di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia sahaja, manakala 2 orang lagi di peringkat diploma. Ini tidak menghairankan kerana dapatan 4.3.2 telah merekodkan 14 subjek Kawalan belajar bahasa Arab kerana hendak lulus periksa dan 13 lagi kerana peraturan sekolah, iaitu mereka belajar kerana terpaksa.

4.4 Analisis Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab:

Berikut dibentangkan dapatan yang diperolehi hasil pemerhatian dan soal selidik ke atas perlaksanaan strategi pembelajaran bahasa Arab di kalangan subjek. Soal selidik bahagian 3 telah diisi oleh semua kumpulan subjek di akhir semester kedua iaitu selepas tamat sesi pemerhatian dan perlaksanaan strategi pembelajaran bahasa Arab. Pakej ini mengandungi 50 soalan yang diterjemah dari *Strategy Inventory for Language Learning* (SILL) Versi 7.0 (Oxford, 1990: 293).

Penulis telah mengumpulkan subjek dan memberi taklimat tentang cara-cara mengisi borang soal selidik. Setelah setiap item dibincangkan bersama penulis, subjek menjawab soal selidik secara serentak. Di akhir sesi, subjek diberi penerangan cara untuk mengira skor masing-masing bagi mengetahui tahap kekerapan penggunaan strategi dan jenis strategi yang paling kerap digunakan.


Subjek diminta memilih jawapan berpandukan skala berikut:

1. Sangat tidak benar mengenai diri saya
2. Tidak benar mengenai diri saya
3. Kadang-kadang benar mengenai diri saya
4. Benar mengenai diri saya
5. Sangat benar mengenai diri saya

Seterusnya, penulis menganalisis dapatan kuantitatif ini menggunakan SPSS versi 10.0 untuk membuktikan kebenarannya secara statistik.

4.4.1 Strategi Memori

Item 1: Saya berfikir tentang perkaitan antara apa yang telah saya ketahui dengan perkara yang baru dipelajari dalam bahasa Arab.




Rajah 4.7: Taburan frekuensi subjek dalam perlaksanaan item 1 (strategi memori).

Berdasarkan Rajah 4.7, subjek dari kumpulan Eksperimen A dan Eksperimen B mengakui bahawa mereka mengaplikasikan strategi memori dengan mengaitkan leksikel baru dengan yang lama seperti perkataan *جامعة* (universiti) dihubungkaitkan dengan perkataan *مدرسة* (sekolah) sebagai tempat belajar.

Perbezaan jelas dipaparkan oleh 23 orang subjek kumpulan Kawalan yang manafikan item 1 ini. Hanya 7 orang sahaja yang kadang-kadang menggunakan perkaitan antara leksikel lama dan baru.

Item 2: Saya gunakan perkataan bahasa Arab yang baru dalam ayat, jadi saya boleh mengingatinya.




Rajah 4.8: Taburan frekuensi subjek dalam perlaksanaan item 2 (strategi memori).

Rajah 4.8 menunjukkan bahawa kumpulan Eksperimen A dan B masing-masing mempunyai 27 orang subjek yang menggunakan leksikel baru dalam ayat sebagai strategi memori mereka manakala hanya 3 orang yang kadang-kadang atau tidak berbuat demikian.

Bagi kumpulan Kawalan pula, hanya 6 orang sahaja yang kadang-kadang menggunakan strategi yang sama tetapi majoritinya iaitu 24 orang menafikan perlaksanaan strategi tersebut.

Item 3: Strategi Memori: Saya mengaitkan bunyi perkataan bahasa Arab yang baru dengan imej atau gambar perkataan itu untuk mengingatinya.




Rajah 4. 9 : Taburan frekuensi subjek dalam perlaksanaan item 3 (strategi memori).

Berdasarkan rajah 4.9, Kumpulan Eksperimen B mendahului frekuensi penggunaan strategi memori secara visual iaitu mengaitkan bunyi leksikel baru dengan imej atau gambar. 20 orang daripadanya sangat gemar berbuat demikian, 6 orang biasa melakukannya dan hanya 4 orang yang jarang berbuat demikian.

Kumpulan Eksperimen A memberikan persaingan yang rapat dengan catatan 16 orang sangat selalu menggunakan, 9 orang biasa menggunakan dan hanya 5 orang kadang-kadang melaksanakannya.

26 orang dari kumpulan Kawalan tidak pernah melaksanakan strategi ini dan hanya 4 orang bakinya yang kadang-kadang berpeluang melakukannya.

Item 4: Strategi Memori: Saya mengingati perkataan bahasa Arab yang baru dengan membayangkan keadaan yang mungkin sesuai dengan penggunaan perkataan itu.




Rajah 4.10: Taburan frekuensi subjek dalam perlaksanaan item 4 (strategi memori).

Rajah 4.10 menunjukkan bahawa sekali lagi terdapat persamaan antara kumpulan Eksperimen A dan B dalam penggunaan strategi. Majoriti subjek iaitu 26 orang dari kumpulan Eksperimen A dan 28 orang dari kumpulan Eksperimen B mengaku kerap membayangkan gambaran situasi yang melibatkan penggunaan leksikel baru semasa cuba mengingat kembali leksikel tersebut.

Manakala majoriti subjek dari kumpulan Kawalan iaitu 24 orang tidak menggunakan strategi ini dan hanya bakinya seramai 6 orang sahaja yang kadang-kadang berbuat demikian.

Item 5: Strategi Memori: Saya menggunakan irama atau nyanyian untuk mengingati perkataan bahasa Arab.




Rajah 4.11: Taburan frekuensi subjek dalam perlaksanaan item 5 (strategi memori).

Berdasarkan rajah 4.11, bilangan subjek yang menggemari strategi menggunakan irama atau nyanyian untuk mengingati perkataan bahasa Arab berkurangan jika dibandingkan dengan strategi lain iaitu hanya 8 subjek Eksperimen A dan 11 Subjek Eksperimen B sangat menggemarinya, 6 subjek Eksperimen A, 12 subjek Eksperimen B dan 3 subjek Kawalan suka melaksanakannya dan 10 subjek Eksperimen A dan 7 subjek Eksperimen B kadang-kadang menggunakannya. Namun, 6 subjek Eksperimen A dan 6 subjek Kawalan tidak menggunakanannya dan majoriti subjek Kawalan iaitu 21 orang langsung tidak menggunakan strategi ini.

Mereka semua berusia 16 tahun dan pada usia begini lebih gemar kepada sesuatu yang lebih mencabar. Mereka mengaku strategi ini hanya selalu dilakukan ketika berada di sekolah rendah dan menengah rendah dahulu. Strategi ini sesuai kepada pelajar yang

berjiwa seni dan berbakat dalam bernasyid. Himpunan perbendaharaan kata boleh digubah menjadi nasyid supaya mudah diingati.

Item 6: Strategi Memori: Saya menggunakan kad imbasan untuk mengingati perkataan bahasa Arab yang baru.




Rajah 4.12: Taburan frekuensi subjek dalam perlaksanaan item 6 (strategi memori).

Rajah 4.12 menunjukkan bahawa subjek dari kedua-dua kumpulan Eksperimen A dan B terlibat dengan tiga kategori perlaksanaan item 6 strategi memori ini. 11 orang dari kumpulan Eksperimen A dan 8 orang dari kumpulan Eksperimen B sangat banyak menggunakan kad imbasan ketika pembelajaran sebagai strategi untuk mengingati perkataan bahasa Arab yang baru. 10 orang dari kumpulan Eksperimen A dan 9 orang dari kumpulan Eksperimen B pula biasa menggunakan strategi yang sama, manakala 9 orang dari kumpulan Eksperimen A dan 13 orang dari kumpulan Eksperimen B kadang-kadang menggunakanannya.

21 orang subjek dari kumpulan Kawalan langsung tidak terdedah kepada penggunaan kad imbasan, 5 orang pula mengetahui strategi ini tetapi tidak mengaplikasinya, manakala 3 orang kadang-kadang menggunakanannya dan seorang sahaja yang biasa menggunakanannya.

Item 7: Strategi Memori: Saya cuba menggaya atau melakonkan perkataan bahasa Arab yang baru.




Rajah 4.13: Taburan frekuensi subjek dalam perlaksanaan item 7 (strategi memori).

Rajah 4.13 menunjukkan bahawa bilangan subjek yang paling banyak menggunakan strategi menggaya atau melakonkan perkataan bahasa Arab yang baru susut sedikit iaitu 13 orang dari kumpulan Eksperimen A dan 10 orang dari kumpulan Eksperimen B. 7 orang dari kumpulan Eksperimen A dan 17 orang dari kumpulan Eksperimen B pula biasa menggunakan strategi ini serta 10 orang dari kumpulan Eksperimen A dan 3 orang dari kumpulan Eksperimen B hanya kadang-kadang menggunakanannya.

Catatan menunjukkan bahawa 50% (15 orang) dari subjek kumpulan Kawalan tidak terlibat langsung dengan strategi ini, 14 orang tidak menggunakannya dan seorang sahaja yang kadang-kadang menggunakan.

Item 8: Strategi Memori: Saya selalu mengulangkaji pelajaran bahasa Arab.




Rajah 4.14: Taburan frekuensi subjek dalam perlaksanaan item 8 (strategi memori).

Data di dalam rajah 4.14 menunjukkan bahawa 8 orang dari kumpulan Eksperimen A dan 7 orang dari kumpulan Eksperimen B sangat selalu mengulangkaji pelajaran bahasa Arab, 15 orang subjek dari kumpulan Eksperimen A dan 20 orang dari kumpulan Eksperimen B mengaku selalu mengulangkajinya dan 10 orang dari kedua-dua kumpulan kadang-kadang sahaja mengulangkaji pelajaran bahasa Arab.

Seramai 22 subjek Kawalan tidak mengulangkaji pelajaran bahasa Arab dan hanya 8 orang kadang-kadang berbuat demikian. Alasan yang diberikan ialah mereka tidak tahu apakah yang perlu dibuat ketika mengulangkaji kerana guru tidak memberi nota atau latihan lanjutan untuk disiapkan selepas waktu persekolahan.

Item 9: Strategi Memori: Saya mengingati perkataan atau rangkaikata bahasa Arab dengan mengingati lokasinya di dalam mukasurat buku, di papan hitam atau di papan kenyataan.



Rajah 4.15: Taburan frekuensi subjek dalam perlaksanaan item 9 (strategi memori).


Rajah 4.15 menunjukkan bahawa majoriti subjek dari kumpulan Eksperimen A (21 orang dan Eksperimen B (20 orang) sangat kerap menggunakan strategi mengingati perkataan atau rangkaikata bahasa Arab dengan mengingati lokasinya di dalam mukasurat buku, di papan hitam atau di papan kenyataan. 6 orang dari kumpulan Eksperimen A dan 3 orang dari kumpulan eksperimen B juga menggemarki memori visual ini.

Hanya 8 orang subjek yang kadang-kadang menggunakan strategi ini iaitu 3 orang dari kumpulan Eksperimen A dan 5 orang dari kumpulan Kawalan.

26 orang subjek terkecuali dari menggunakan strategi ini, iaitu seorang dari kumpulan Eksperimen B dan baki semuanya dari kumpulan Kawalan.

4.4.2 Strategi Kognitif

Item 10: Strategi Kognitif: Saya menyebut atau menulis perkataan bahasa Arab yang baru berulang kali.




Rajah 4.16: Taburan subjek dalam perlaksanaan item 10 (strategi kognitif).

Maklumat dari rajah 4.16 menunjukkan bahawa semua subjek dari kumpulan Eksperimen A paling banyak menggunakan strategi menyebut atau menulis perkataan bahasa Arab yang baru berulang kali untuk menguasainya. Strategi ini turut diamalkan oleh 27 orang subjek dari kumpulan Eksperimen B .

2 orang subjek dari kumpulan Eksperimen B dan 6 orang dari kumpulan Kawalan mengaku hanya kadang-kadang menggunakan strategi ini.

Seperti biasa, 24 orang dari kumpulan Kawalan dan seorang dari kumpulan Eksperimen B tidak melaksanakan strategi pembelajaran ini.

Item 11: Strategi Kognitif: Saya cuba bertutur seperti orang Arab.




Rajah 4.17: Taburan subjek dalam perlaksanaan Item 11 (strategi kognitif).

Rajah 4.17 menunjukkan bahawa tidak ramai subjek yang komitmen dengan penggunaan strategi bertutur seperti orang Arab iaitu hanya melibatkan 8 orang dari kumpulan Eksperimen A. Manakala 15 orang dari kumpulan Eksperimen A dan 12 orang dari kumpulan Eksperimen B biasa menggunakan strategi ini.

7 orang dari kumpulan Eksperimen A, 17 orang dari kumpulan Eksperimen B dan 6 orang dari kumpulan Kawalan mengaku menggunakan strategi ini sekali-sekala.

Seramai 24 orang subjek dari kumpulan Kawalan dan seorang dari kumpulan Eksperimen B tidak berminat untuk menggunakan strategi ini.

Item 12: Strategi Kognitif: Saya berlatih membunyikan sebutan orang Arab.




Rajah 4.18: Taburan subjek dalam perlaksanaan Item 12 (strategi kognitif).

Dapatan dalam rajah 4.18 juga menunjukkan bahawa hanya sedikit subjek iaitu 7 orang dari kumpulan Eksperimen A dan 4 orang dari kumpulan Eksperimen B yang kerap menggunakan strategi berlatih membunyikan sebutan seperti orang Arab.

16 orang subjek dari kumpulan Eksperimen A dan 10 orang dari kumpulan Eksperimen B biasa menggunakan strategi ini. Walau bagaimanapun, menurut mereka, penggunaan ini agak terhad kepada meniru gaya sebutan dari filem atau pita rakaman kerana tidak berpeluang berinteraksi secara langsung dengan penutur berbangsa Arab.

Manakala 3 orang dari kumpulan Eksperimen A, 11 orang dari kumpulan Eksperimen B dan 5 orang dari kumpulan Kawalan hanya menggunakan sekali-sekala. Majoriti subjek Kawalan mengaku tidak menggemari strategi ini.

Item 13: Strategi Kognitif. Saya gunakan perkataan bahasa Arab yang saya tahu dalam cara yang berbeza.




Rajah 4.19: Taburan subjek dalam perlaksanaan Item 13 (strategi kognitif).

29 orang subjek dari kumpulan Eksperimen A dan 20 orang dari kumpulan Eksperimen B selalu menggunakan perkataan bahasa Arab yang diketahui secara lisan dan penulisan iaitu dalam latihan kemahiran berbahasa, penulisan ayat dan karangan, perbualan, pembentangan dapatan perbincangan, penyediaan nota dan sebagainya. Seorang dari kumpulan Eksperimen A dan 7 orang dari Eksperimen B hanya kadang-kadang menggunakannya. Hanya 3 subjek Eksperimen B tidak menggunakan strategi ini.

Majoriti subjek kumpulan Kawalan (16 orang) tidak menggunakan strategi ini. Seorang mengaku kadang-kadang menggunakannya dan hanya 3 orang selalu menggunakan.

Item 14: Strategi Kognitif: Saya mulakan perbualan dengan bahasa Arab.




Rajah 4.20 Taburan subjek dalam perlaksanaan Item 14 (strategi kognitif)

Seramai 23 orang subjek kumpulan Eksperimen A dan 19 orang dari kumpulan Eksperimen B selalu memulakan perbualan sesama mereka dalam bahasa Arab manakala 7 orang dari Eksperimen A dan 10 subjek kumpulan Eksperimen B hanya kadang-kadang berbuat demikian.

Biasanya subjek berlatih menggunakan frasa bahasa Arab yang telah dipelajari di awal interaksi terutama apabila menyapa sesama rakan, bertanya khabar, mengaju soalan, meminta sesuatu atau memanggil seperti **كيف حالك؟** (Apa khabar?) untuk menyapa dan **ما فكرت؟** (Maafkan saya, di mana pen saya?) untuk bertanya.

Ini sangat berbeza dengan subjek Kawalan yang majoritinya (28 orang) tidak menggunakan strategi ini dan hanya 2 orang kadang-kadang menggunakanannya.

Item 15: Strategi Kognitif: Saya menonton rancangan televisyen atau menonton filem yang dituturkan dalam bahasa Arab.




Rajah 4.21 Taburan subjek dalam perlaksanaan Item 15 (strategi kognitif)

Semua subjek dari kumpulan Eksperimen A dan 28 orang dari Eksperimen B suka menonton rancangan televisyen atau filem yang menggunakan bahasa Arab dalam dialog pertuturnya. Peluang ini kian mudah diperolehi kerana televisyen kini cenderung menayangkan program dalam berbagai bahasa asing termasuk bahasa Arab. Mereka cuba menangkap maksud dialog tanpa membaca terjemahannya. Kebanyakan rancangan ini menggunakan bahasa Arab *fūshā* (standard) seperti yang dipelajari di sekolah.

21 orang subjek Kawalan pula tidak berminat atau berpeluang untuk menonton rancangan ini dan 9 orang sahaja yang mengaku selalu atau kadang-kadang mengikutinya.

Item 16: Strategi Kognitif: Saya membaca bahan bacaan dalam bahasa Arab dengan kehendak sendiri.




Rajah 4.22 Taburan subjek dalam perlaksanaan Item 16 (strategi kognitif)

Majoriti subjek kumpulan Eksperimen A (29 orang) dan kumpulan Eksperimen B (27 orang) membaca bahan bacaan bahasa Arab dengan kehendak sendiri. Bahan ini dipinjam dari Pusat Sumber Bahasa Arab di sekolah. Ia meliputi buku cerita, rencana bersiri, majalah, ensaiklopedia, kamus bergambar dan lain-lain. Mereka membaca bahan tersebut mengikut waktu perkhidmatan Pusat Sumber iaitu pada waktu rehat, petang dan kelas persediaan malam. Pelajar mendapat banyak perbendaharaan kata baru, pengetahuan am dan maklumat budaya kehidupan orang Arab yang disampaikan menerusi gaya bahasa Arab yang tulen dan dihiasi ilustrasi berwarna yang menarik dari bahan bacaan ini.

Hanya 6 orang subjek kumpulan Kawalan mengaku berbuat demikian manakala majoriti subjek kumpulan ini pula tidak menggunakan strategi ini.

Item 17: Strategi Kognitif: Saya menulis nota, mesej, surat atau laporan dalam bahasa Arab.




Rajah 4.23 Taburan subjek dalam perlaksanaan Item 17 (strategi kognitif)

Majoriti subjek kumpulan Eksperimen A (28 orang) dan kumpulan Eksperimen B (27 orang) menulis nota, mesej, surat atau laporan dalam bahasa Arab atau menggunakan banyak ungkapan dan rangkaikata bahasa Arab di dalamnya. Dengan cara ini, mereka lebih berupaya menguasai secara praktikal kemahiran berbahasa Arab yang telah dipelajari di kelas. Walaupun pada mulanya mereka merasa janggal, tetapi apabila strategi ini dirasakan berkesan, kejanggalan tersebut bertukar menjadi kegemaran yang menyeronok dan membanggakan.

Berbanding dengan kumpulan Kawalan yang hanya 8 orang subjeknya mengaku berbuat demikian dan sebahagian besarnya (22 orang) tidak menggunakan strategi ini.

Item 18: Strategi Kognitif: Mula-mula saya akan baca keseluruhan petikan dengan pantas kemudian berpatah balik dan membacanya dengan teliti.




Rajah 4.24 Taburan subjek dalam perlaksanaan Item 18 (strategi kognitif)

Semua subjek Eksperimen A dan majoriti subjek Eksperimen B (28 orang) menggunakan strategi pemahaman teks dengan membaca keseluruhan petikan bahasa Arab dengan pantas kemudian berpatah balik dan membacanya kembali dengan teliti. Mereka cuba mengenalpasti mesej atau topik utama teks secara umum kemudian meneliti isi yang terkandung di dalamnya.

Sebahagian besar subjek Kawalan (22 orang) pula membaca petikan keseluruhannya sekali sahaja dan terus menjawab soalan kefahaman mengenai teks tersebut.

Item 19: Strategi Kognitif: Saya mencari perkataan dalam bahasa Malaysia yang seakan-akan perkataan bahasa Arab yang baru.




Rajah 4.25 Taburan subjek dalam perlaksanaan Item 19 (strategi kognitif)

Semua subjek Eksperimen A dan 27 orang subjek Eksperimen B cuba memahami teks bahasa Arab dengan cara mencari makna perkataan dalam bahasa Melayu yang seakan-akan serupa dengan perkataan bahasa Arab yang baru. Dengan membuat perkaitan antara perkataan-perkataan ini, mereka boleh meneka maksud teks tersebut. Strategi ini sering digunakan untuk menjawab soalan kefahaman, terjemahan dan meringkaskan teks.

Perkataan begini mudah didapati terutama yang berkaitan dengan ibadah seperti masjid, solat, fardhu, zakat, haji, tawaf dan sebagainya. Boleh juga didapati perkataan abad, wujud, jawab, tarikh, terjemah, takziah, tahniah, jadual, dunia, syukur, masalah, ahli, akhlak, jiran, Jumaat, masyhur, hadiah, nafsu, niat, nikah, kubur, rahmat, waktu, mahir, miskin, yatim, yakin, wilayah, ziarah dan lain-lain.

Item 20: Strategi Kognitif: Saya cuba cari dan fahami makna pola-pola bahasa Arab.




Rajah 4.26 Taburan subjek dalam perlaksanaan Item 20 (strategi kognitif)

Semua subjek dari kumpulan Eksperimen A dan B cuba memahami teks bahasa Arab dengan memahami bentuk ayat dan pola ungkapan bahasa Arab. Mereka cuba membezakan jenis perkataan yang digunakan dalam sesebuah artikel samada nama seseorang, nama tempat, masa, kata kerja, haiwan, peristiwa dan sebagainya.

Gaya bahasa ayat dalam teks yang mengandungi ayat penyata, pertanyaan, penceritaan, perbualan, gaya kesusasteraan dan sebagainya juga akan cuba diklasifikasi untuk mencari maksud petikan.

Hanya 4 orang subjek Kawalan yang mengaku turut berbuat demikian manakala yang bakinya tidak menggunakan strategi ini.

Item 21: Strategi Kognitif: Saya cari makna perkataan bahasa Arab dengan membahagikannya kepada bahagian-bahagian yang saya faham.




Rajah 4.27: Taburan subjek dalam perlaksanaan Item 21 (strategi kognitif)

Semua subjek kumpulan Eksperimen A dan 29 orang dari kumpulan Eksperimen B cuba mencari maksud teks bahasa Arab dengan membahagikannya kepada beberapa bahagian pendek. Setelah maklumat dalam bahagian-bahagian pendek ini difahami, ia digabungkan untuk mendapatkan maksud dari mesej keseluruhan teks bahasa Arab tersebut.

14 orang subjek dari kumpulan Kawalan juga mengaku kadang-kadang berbuat demikian manakala bakinya tidak menggunakan strategi ini. Mereka menterjemah setiap perkataan dalam ayat satu-persatu.

Item 22: Saya cuba mengelak dari menterjemah satu perkataan ke satu perkataan.




Rajah 4.28 Taburan subjek dalam perlaksanaan Item 22 (strategi kognitif)

Semua subjek Eksperimen A dan 29 orang subjek Eksperimen B cuba mengelak dari menterjemah setiap perkataan bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu satu-persatu semasa membaca teks bahasa Arab.

Kebanyakan subjek Kawalan terlalu bergantung kepada kamus untuk menterjemahkan setiap perkataan bahasa Arab yang tidak difahami dalam setiap ayat. Akhirnya, dia akan merasa jemu. Sekiranya subjek tidak dapat mencari makna satu perkataan, dia berputus asa untuk memahami maksud keseluruhan ayat tersebut. Cara ini merugikan masa malah menyukarkan subjek untuk memahami maksud keseluruhan teks.

Item 23: Strategi Kognitif: Saya membuat ringkasan maklumat yang saya dengar atau baca dalam bahasa Arab.




Rajah 4.29: Taburan subjek dalam perlaksanaan Item 23 (strategi kognitif)

Semua subjek Eksperimen A dan 29 orang dari Eksperimen B membuat ringkasan maklumat yang diperolehi dalam bahasa Arab. Mereka membiasakan diri menyediakan nota, rangka karangan dan isi penting teks dalam bahasa Arab. Ini memudahkan mereka menjawab soalan meringkas petikan dan menulis karangan.

Hanya 6 orang subjek Kawalan yang melaksanakan strategi yang sama. Namun, subjek lain lebih suka membuat ringkasan maklumat dalam bahasa Melayu, kemudian menterjemahkannya ke dalam bahasa Arab semasa hendak menulis ringkasan petikan atau menulis karangan. Ini menyebabkan mereka terpaksa mengambil masa yang panjang kerana mereka sebenarnya memikirkan maklumat tersebut dua kali, pertama di dalam bahasa Melayu dan kedua menterjemahkannya ke dalam bahasa Arab.

4.4.3 Strategi Pampasan

Item 24: Strategi Pampasan: Untuk memahami perkataan bahasa Arab yang jarang didengari, saya akan cuba meneka.




Rajah 4.30: Taburan subjek dalam perlaksanaan Item 24 (strategi pampasan)

Semua subjek Eksperimen A dan B menggunakan strategi meneka dengan bijak ketika cuba memahami perkataan bahasa Arab yang jarang didengari. Mereka akan mengaitkankan perkataan baru tersebut dengan rangkaian maklumat yang telah dipelajari dan meneka maksudnya tanpa merasa takut jika berlaku kesilapan.

Hanya 5 orang subjek Kawalan berbuat demikian. 25 orang lagi lebih suka mencari terjemahan perkataan dari kamus malah ada yang hanya menunggu penjelasan guru atau membiarkannya tanpa difahami. Ketika di dalam peperiksaan, mereka akan meninggalkan soalan yang mengandungi perkataan bahasa Arab yang jarang didengari ini dan menjawab soalan yang lain dahulu.

Item 25: Strategi Pampasan: Bila saya terlupa perkataan bahasa Arab semasa berbual, saya akan menggunakan isyarat.




Rajah 4.31 Taburan subjek dalam perlaksanaan Item 25 (strategi pampasan)

Semua subjek Eksperimen A dan 29 orang dari Eksperimen B akan menggunakan isyarat bila terlupa perkataan bahasa Arab yang patut digunakan semasa berbual. Rakan interaksinya pula akan cuba meneka isyarat tersebut dan membantunya mengingat kembali perkataan yang dia terlupa. Mereka cuba sedaya-upaya untuk tidak menggunakan campuran bahasa Melayu dan bahasa Arab dalam satu ayat semasa berbual.

Seramai 9 subjek Kawalan mengaku berbuat demikian tetapi bakinya tidak menggunakan strategi ini. Semasa diberi peluang berbual di dalam bahasa Arab mereka banyak menggunakan jeda atau mencampurkannya dengan bahasa Melayu, malah sebahagian besar dari mereka tidak bersedia untuk mencuba.

Item 26: Strategi Pampasan: Saya cuba buat perkataan baru jika saya tidak tahu perkataan yang tepat dalam bahasa Arab.




Rajah 4.32 Taburan subjek dalam perlaksanaan Item 26 (strategi pampasan)

Semua subjek Eksperimen A dan 28 orang dari Eksperimen B akan cuba membuat perkataan baru jika tidak tahu perkataan yang tepat yang patut digunakan dalam bahasa Arab. Strategi ini sering dilakukan semasa menjawab soalan yang meminta mereka menterjemahkan petikan bahasa Melayu ke dalam bahasa Arab. Misalnya, mereka menggunakan perkataan *رسالة أخبار* menggantikan perkataan *جريدة* iaitu surat khabar.

Majoriti subjek Kawalan tidak menggunakan strategi ini. Di dalam latihan atau peperiksaan, mereka akan mengelak dari membuat ayat yang menggunakan perkataan tersebut atau membiarkan sahaja ayat tidak lengkap. Jika diminta menterjemahkannya, mereka akan meninggalkan soalan tersebut tidak berjawab.

Item 27: Strategi Pampasan: Saya membaca bahan bahasa Arab tanpa meneliti makna setiap perkataan baru.




Rajah 4.33: Taburan subjek dalam perlaksanaan Item 27 (strategi pampasan)

Semua subjek Eksperimen A dan 26 orang subjek Eksperimen B membaca bahan bacaan bahasa Arab tanpa meneliti makna setiap perkataan bahasa Arab yang baru.

Sekiranya mereka terjumpa satu perkataan bahasa Arab yang tidak difahami, mereka tidak terus mencari maknanya dari kamus, tetapi mereka akan cuba menggunakan perkataan-perkataan lain yang telah difahami yang ada di dalam ayat yang sama untuk memahami keseluruhan ayat bahasa Arab tersebut. Iaitu mereka memahami ayat bahasa Arab berdasarkan perkaitan konteks penggunaan perkataan-perkataan di dalamnya bukan melalui gabungan makna setiap perkataan-perkataan tersebut.

Hanya 4 orang subjek Kawalan mengaku berbuat demikian manakala bakinya tidak menggunakan strategi ini.

Item 28: Strategi Pampasan: Saya cuba meneka apakah yang akan diperkatakan seterusnya oleh pihak kedua semasa perbualan dalam bahasa Arab.




Rajah 4.34: Taburan subjek dalam perlaksanaan Item 28 (strategi pampasan)

Semasa berbual atau memerhatikan perbualan dalam bahasa Arab, semua subjek Eksperimen A dan 29 orang subjek Eksperimen B akan meneka apakah yang akan diperkatakan seterusnya oleh pihak kedua semasa berinteraksi. Dengan ini, komunikasi berjalan lancar dan wujud suasana saling bantu-membantu untuk menyampaikan mesej dalam bahasa Arab antara kedua-dua peserta komunikasi.

Hanya 6 orang subjek Kawalan yang mengaku melakukan cara ini tetapi sebahagian besar yang lain tidak melaksanakan strategi ini. Mereka terlalu sibuk memikirkan apa yang mereka sendiri perlu perkatakan dan kemudian menunggu tindakbalas dari pihak kedua barulah mereka sibuk kembali memikirkan apa yang perlu dituturkan selepas itu. Ini berlaku sehingga kadang-kadang mereka terlupa topik asal perbualan.

Item 29: Strategi Pampasan: Jika saya tidak dapat berfikir tentang satu perkataan bahasa Arab, saya akan menggunakan perkataan atau rangkaikata lain yang membawa maksud yang sama.




Rajah 4.35: Taburan subjek dalam perlaksanaan Item 29 (strategi pampasan)

Sekiranya tidak dapat berfikir tentang satu perkataan bahasa Arab, semua subjek Eksperimen A dan B akan menggunakan rangkaikata atau ayat huraihan lain yang membawa maksud yang sama. Misalnya, mereka menggunakan ayat huraihan seperti *جامعةٌ مَرْحَلَةٌ لِدِرَاسَةٍ فِي مَكَانٍ* bagi menggantikan perkataan “tempat belajar di peringkat tinggi” bagi menggantikan perkataan “universiti”.

11 orang subjek Kawalan mengaku melakukan strategi yang sama tetapi sebahagian besar (19 orang) lagi tidak berbuat demikian.

4.4.4 Strategi Metakognitif

Item 30: Strategi Metakognitif: Saya cuba mencari seberapa banyak cara yang saya boleh untuk menggunakan bahasa Arab.




Rajah 4.36: Taburan subjek dalam perlaksanaan Item 30 (strategi metakognitif)

Semua subjek Eksperimen A dan B didapati sentiasa cuba mencari seberapa banyak cara yang boleh untuk menggunakan bahasa Arab. Mereka cuba menulis nota pelajaran, rangka karangan, mesej bertulis, dan perbualan menggunakan bahasa Arab atau sekurang-kurangnya menggunakan rangkaikata dan istilah-istilah Arab.

Mereka juga cuba menggunakan istilah atau perkataan baru yang dipelajari di kelas, diperolehi dari bahan bacaan, tontonan filem atau pita rakaman cerita bahasa Arab. Adakalanya mereka tersilap menggunakan perkataan di situasi yang tidak sesuai, tetapi percubaan ini sebenarnya memberikan pengalaman baru untuk memperbaiki kesilapan.

Hanya 4 orang subjek kawalan berbuat sedemikian dan bakinya tidak menggunakan strategi ini.

Item 31: Strategi Metakognitif: Saya mengambil berat kesilapan bahasa Arab yang saya lakukan dan menggunakan maklumat ini untuk membantu saya berbahasa dengan lebih baik.




Rajah 4.37: Taburan subjek dalam perlaksanaan Item 31 (strategi metakognitif)

Semua subjek Eksperimen A dan B memanfaatkan kesilapan yang mereka lakukan semasa mempraktikkan bahasa Arab secara lisan mahu pun penulisan. Mereka menganggap kesilapan ini sebagai sebahagian daripada proses pembelajaran. Malah mereka berpendapat, kesilapan ini tidak dapat dikesan untuk diperbaiki jika mereka tidak cuba mempraktikkan bahasa Arab.

Di antara bentuk kesilapan yang dilakukan ialah kesilapan tata bahasa, gaya bahasa, sebutan, ejaan, konteks penggunaan item leksikal dan lain-lain. Kesilapan ini akan diperbaiki dari masa ke semasa melalui pengalaman atau bantuan guru dan rakan.

Walau bagaimanapun, hanya 6 orang subjek Kawalan melakukan strategi yang sama tetapi ramai bakinya tidak menggunakan strategi ini.

Item 32: Strategi Metakognitif: Saya memberikan tumpuan yang mendalam apabila ada seseorang bertutur dalam bahasa Arab.




Rajah 4.38: Taburan subjek dalam perlaksanaan Item 32 (strategi metakognitif)

Semua subjek Eksperimen A dan B serta 4 orang subjek Kawalan memberi tumpuan yang mendalam apabila ada seseorang bertutur dalam bahasa Arab.

Subjek memanfaatkan sikap ingin tahu untuk mempelajari sesuatu. Mereka cuba memahami setiap perkataan bahasa Arab yang didengari. Teori pembelajaran sosial melalui model dipraktikkan ketika mereka cuba meniru cara pengucapan perkataan bahasa Arab yang dilafazkan. Kemudian, mereka cuba mencontohi gaya bahasa ungkapan tersebut dalam ayat mereka.

Namun, kebanyakan subjek Kawalan merasa cemas atau bosan jika mendengar pertuturan dalam bahasa Arab kerana tidak dapat memahaminya.

Item 33: Strategi Metakognitif: Saya cuba mencari jalan bagaimana hendak menjadi pelajar bahasa Arab yang lebih baik.




Rajah 4.39: Taburan subjek dalam perlaksanaan Item 33 (strategi metakognitif)

Semua subjek Eksperimen A dan B sentiasa cuba mencari jalan untuk menjadi pelajar bahasa Arab yang baik. Berdasarkan pemerhatian penulis, mereka mewujudkan budaya perbincangan berkumpulan yang dikenali sebagai “Rakan Bahasa Arab”. Kesempatan ini digunakan untuk berinteraksi, berbincang, bekerjasama mencuba strategi baru, memperbaiki kelemahan, membuat latihan dan menyediakan nota bahasa Arab.

Sangat berbeza keadaannya dengan subjek Kawalan yang semuanya tidak melaksanakan strategi tambahan untuk memperbaiki kelemahan bahasa Arab mereka. Usaha mereka setakat mengulangkaji seperti biasa, malahan ramai yang menghadapi masalah tidak tahu cara mengulangkaji bahasa Arab dengan berkesan.

Item 34: Strategi Metakognitif: Saya merancang jadual waktu saya supaya saya mempunyai masa yang cukup untuk mengulangkaji bahasa Arab.




Rajah 4.40: Taburan subjek dalam perlaksanaan Item 34 (strategi metakognitif)

Seramai 26 orang subjek Eksperimen A dan 28 orang subjek Eksperimen B merancang jadual waktu harian supaya mempunyai masa yang cukup untuk mengulangkaji mata pelajaran Bahasa Arab di luar waktu persekolahan. Masa ini digunakan untuk menyelesaikan tugas tambahan Bahasa Arab, perbincangan berkumpulan atau membaca bahan bacaan tambahan bahasa Arab di Pusat Sumber Bahasa Arab.

Hanya 3 orang subjek Kawalan juga berbuat demikian manakala bakinya seramai 27 orang tidak menyediakan jadual khas untuk mengulangkaji Bahasa Arab.

Item 35: Strategi Metakognitif: Saya mencari-cari orang yang boleh bercakap dalam bahasa Arab dengan saya.




Rajah 4.41: Taburan subjek dalam perlaksanaan Item 35 (strategi metakognitif)

Berdasarkan Rajah 4.41, didapati semua subjek Eksperimen B dan seramai 28 orang subjek Eksperimen A sentiasa mencari peluang untuk berinteraksi dengan orang yang boleh bercakap bahasa Arab dengan mereka. Mereka ingin mempraktikkan maklumat bahasa Arab yang telah dipelajari di kelas dan mengetahui sejauh mana kemampuan mereka menguasai bahasa ini. Peluang ini diperolehi menerusi usaha mewujudkan "Rakan Bahasa Arab".

Walau bagaimanapun, hanya 5 orang subjek Kawalan yang turut berbuat demikian, manakala bakinya tidak melaksanakan strategi ini.

Item 36: Strategi Metakognitif: Saya mencari peluang untuk membaca seberapa banyak bahan bacaan bahasa Arab.




Rajah 4.42: Taburan subjek dalam perlaksanaan Item 36 (strategi metakognitif)

Seramai 29 orang subjek Eksperimen A dan 25 orang subjek Eksperimen B sentiasa mencari seberapa banyak bahan bacaan bahasa Arab. Berdasarkan pemerhatian penulis, secara purata setiap subjek membaca 3 atau 4 buah buku bahasa Arab setebal 20 hingga 25 halaman dalam tempoh 2 bulan. Di antara jenis bahan yang digemari ialah cerita, kisah ketokohan atau kepahlawan, sirah para nabi dan sahabat, rencana, pengetahuan am dan mini ensaiklopedia. Semua buku-buku ini dipinjam dari Pusat Sumber Bahasa Arab.

Hanya 6 orang subjek Kawalan berbuat demikian dan bakinya seramai 24 orang tidak melaksanakan strategi ini.

Item 37: Strategi Metakognitif: Saya mempunyai sasaran yang jelas untuk memperbaiki kemahiran bahasa Arab.




Rajah 4.43: Taburan subjek dalam perlaksanaan Item 37 (strategi metakognitif)

Berdasarkan rajah 4.43, penulis mendapati semua subjek Eksperimen A dan B mempunyai sasaran yang jelas untuk memperbaiki kemahiran berbahasa Arab. Penyediaan jadual waktu khas, perbincangan berkumpulan, penyertaan dalam aktiviti dalam kelas, penyediaan tugas lanjutan dan sebagainya yang dilakukan oleh mereka menunjukkan tindakan yang diambil selari dengan minat dan tujuan belajar bahasa Arab seperti yang telah dihursti dalam unit 4.3 yang lalu.

Walau bagaimanapun, majoriti iaitu 29 orang subjek Kawalan tidak mempunyai sasaran atau cara yang jelas untuk memperbaiki penguasaan bahasa Arab mereka. Mereka hanya mengharapkan maklumat pengajaran guru dan mengulangkaji ketika hampir tiba peperiksaan.

Item 38: Strategi Metakognitif: Saya memikirkan kemajuan prestasi saya dalam pembelajaran bahasa Arab.




Rajah 4.44: Taburan subjek dalam perlaksanaan Item 38 (strategi metakognitif)

Semua subjek Eksperimen A dan 28 orang subjek Eksperimen B sentiasa memikirkan kemajuan prestasi dalam pembelajaran Bahasa Arab. Mereka mempunyai sasaran pencapaian tertentu dalam peperiksaan terutama di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia yang akan datang. Sikap ini selari dengan kenyataan mereka yang direkodkan dalam jadual 4.19 yang lalu. Mereka mengambil berat tahap pencapaian dari masa ke semasa dan selalu bertanya contoh-contoh soalan peperiksaan SPM yang berkaitan dengan topik yang dipelajari.

Hanya 5 orang subjek Kawalan yang mengambil langkah sperti ini manakala bakinya (25 orang) tidak berminat dengan strategi ini.

4.4.5 Strategi Afektif:

Item 39: Strategi Afektif: Saya cuba bertenang walaupun saya merasa takut menggunakan bahasa Arab.




Rajah 4.45 Taburan subjek dalam perlaksanaan Item 39 (strategi afektif)

Strategi ini agak digemari oleh subjek. Semua subjek Eksperimen A dan B serta 13 orang subjek Kawalan mengaku cuba mengawal emosi dengan cara berusaha untuk bertenang walaupun mereka merasa takut menggunakan bahasa Arab.

Berbagai teknik diambil seperti tersenyum, menganggap kesilapan sebagai salah satu cara pembelajaran, tidak memperkecil atau mentertawakan kesilapan rakan dan sebagainya. Mereka cuba mempraktikkan pengawalan emosi ini ketika diminta membaca teks bahasa Arab, menulis jawapan di papan hitam, menjawab soalan kaedah tata bahasa, menjawab soalan peperiksaan dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, 17 subjek Kawalan lebih suka mendiamkan diri dan mengelak daripada mencuba melakukan aktiviti pembelajaran bahasa Arab. Akibatnya, perasaan takut tidak terbendung bila menghadapi peperiksaan.

Item 40: Strategi Afektif: Saya menggalakkan diri sendiri untuk bercakap dalam bahasa Arab walaupun saya bimbang akan melakukan kesilapan.




Rajah 4.46: Taburan subjek dalam perlaksanaan Item 40 (strategi afektif)

Semua subjek Eksperimen A, 28 orang subjek Eksperimen B dan 12 subjek Kawalan didapati menggunakan strategi ini di mana mereka cuba menggalakkan diri untuk bercakap dalam bahasa Arab walaupun bimbang akan melakukan kesilapan. Masih terdapat 18 orang subjek Kawalan yang tidak menggunakan strategi ini.

Latihan bertutur dalam bahasa Arab adalah satu usaha mempraktikkan teori yang dipelajari menjadi kenyataan. Semasa menggunakan bahasa Arab, subjek akan terdedah

kepada dua situasi berbeza iaitu pencapaian atau kesilapan. Di sinilah subjek mula menyedari kekuatan dan kelemahan penguasaan masing-masing. Kesilapan dilihat sebagai suatu fenomena semulajadi yang mengisyaratkan petanda kemajuan berbahasa dan bukanlah sebagai kesalahan yang memalukan.

Item 41: Strategi Afektif: Saya beri ganjaran untuk diri sendiri jika saya melakukan suatu pencapaian yang baik dalam bahasa Arab.



Rajah 4.47 Taburan subjek dalam perlaksanaan Item 41 (strategi afektif)


Semua subjek Eksperimen A dan 25 subjek Eksperimen B biasa memberikan ganjaran untuk diri sendiri jika mereka berjaya mencapai sesuatu sasaran yang baik dalam bahasa Arab. Kadangkala, mereka juga bertukar-tukar ganjaran sesama rakan.

Ini dilakukan samada pencapaian baik dalam keputusan peperiksaan atau setelah berjaya menyelesaikan tugas lanjutan dalam aktiviti pembelajaran di kelas.

Hasil pemerhatian penulis, bentuk ganjaran yang selalu diberi ialah menikmati makanan atau minuman yang lebih istimewa, memperuntukkan tambahan masa untuk bermain dan bergembira, membeli cenderamata kenangan, menyertai lawatan sekolah, memuji diri sendiri dalam catatan diari dan sebagainya.

Hanya 4 orang subjek Kawalan terfikir untuk berbuat demikian dan bakinya tidak melaksanakannya.

Item 42: Strategi Afektif: Saya sedar dan mengawal diri jika saya merasa tertekan atau gemuruh semasa belajar atau menggunakan bahasa Arab.




Rajah 4.48: Taburan subjek dalam perlaksanaan Item 42 (strategi afektif)

Berdasarkan rajah 4.48, semua subjek Eksperimen A dan 25 orang subjek Eksperimen B sentiasa sedar dan mengawasi diri jika merasa tertekan atau gemuruh semasa belajar bahasa Arab atau cuba mempraktikkannya terutama ketika menggunakan secara lisan.

Teknik mengawal diri dapat dipupuk melalui penglibatan yang aktif dan kerap dalam latihan dan aktiviti pembelajaran di dalam kelas seperti membaca teks dengan kuat, menjawab soalan secara spontan, bertanya, membentangkan hasil dapatan, permainan bahasa, aktiviti serta perbincangan berkumpulan, menyampaikan persembahan bahasa Arab di perhimpunan sekolah dan sebagainya. Mereka juga tidak takut membuat kesilapan kerana telah memahami konsepnya (rujuk 4.4.40). 13 subjek Kawalan didapati turut berbuat demikian tetapi bakinya (17 orang) tidak melaksanakannya.

Item 43: Strategi Afektif: Saya mencatatkan perasaan saya dalam diari.




Rajah 4.49: Taburan subjek dalam perlaksanaan Item 43 (strategi afektif)

Semua subjek Eksperimen A dan 24 subjek Eksperimen B mencatatkan perasaan mereka yang dialami semasa pembelajaran bahasa Arab di dalam diari. Dengan ini, mereka berupaya melihat sendiri perkembangan dan perubahan emosi peribadi. Ini dilakukan supaya memudahkan mereka untuk lebih bersedia dan berhati-hati untuk mengawal keadaan emosi yang sudah boleh dijangkakan ketika diperlukan.

Menurut mereka, penulisan perasaan di dalam diari peribadi dirasakan penting kerana mereka boleh meluahkan apa sahaja perasaan, pandangan dan pengalaman sendiri tanpa malu atau ragu-ragu. Catatan ini direnung kembali dan berguna sebagai penilaian kendiri kerana mereka percaya kelemahan dan kekuatan sebenar setiap individu hanya diketahui oleh pemiliknya sendiri bukan orang lain.

Hanya 5 subjek Kawalan berbuat demikian dan 25 orang lagi tidak melaksanakan strategi ini.

Item 44: Strategi Afektif: Saya meluahkan apa yang saya rasa semasa saya belajar bahasa Arab kepada orang lain.



Rajah 4.50: Taburan subjek dalam perlaksanaan Item 44 (strategi afektif)


Semua subjek Eksperimen A dan 22 subjek Eksperimen B meluahkan perasaan mereka yang dialami semasa belajar bahasa Arab kepada orang lain. 8 subjek Eksperimen B tidak berbuat demikian kerana lebih gemar mencatatnya di dalam diari peribadi dan ada yang memang memiliki peribadi yang pendiam dan perahsia.

Menurut mereka, meluahkan perasaan dan pandangan yang terbukti di hati kepada sesama rakan, guru yang mengajar atau keluarga terdekat akan meringankan beban emosi serta memberikan percambahan idea yang bernaik. Perkara yang diluahkan bukanlah perasaan negatif dan masalah semata-mata tetapi juga berbentuk kegembiraan, kepuasan, rasa ingin berkongsi pengalaman dan maklumat dengan rakan atau meluaskan perkhabaran kepada orang luar dan sebagainya.

10 orang subjek Kawalan juga pernah meluahkan perasaan mereka kepada rakan dan penulis sendiri dan bakinya (20 orang) tidak berbuat demikian.

4.4.6 Strategi Sosial

Item 45: Strategi Sosial: Jika saya tidak faham sesuatu dalam bahasa Arab, saya minta orang tersebut untuk bercakap perlahan-lahan atau mengulangi kata-katanya.




Rajah 4.51: Taburan subjek dalam perlaksanaan Item 45 (strategi sosial)

Semua subjek Eksperimen A dan B menggunakan strategi ini ketika berinteraksi dengan orang yang bertutur dalam bahasa Arab. Jika Mereka tidak memahami suatu yang diperkatakan, mereka akan memintanya untuk bercakap perlahan-lahan atau mengulangi kata-katanya. Strategi yang sama digunakan ketika tidak dapat memahami penerangan guru atau pembentangan rakan semasa belajar bahasa Arab di kelas. Mereka meminta guru atau rakan yang membentang untuk mengulangi fakta, menjelaskan kembali fakta dengan perlahan dan tersusun, memberikan contoh dan sebagainya.

11 orang subjek Kawalan turut berbuat demikian tetapi bakinya tidak melaksanakan strategi ini. Ini menunjukkan hanya sebahagian subjek yang mahu berinteraksi semasa pembelajaran manakala bakinya suka mendiamkan diri.

Item 46: Strategi Sosial: Saya meminta orang yang berkemampuan berbahasa Arab supaya membetulkan kesilapan saya semasa bercakap.




Rajah 4.52: Taburan subjek dalam perlaksanaan Item 46 (strategi Sosial)

Semua subjek Eksperimen A dan B melaksanakan strategi ini iaitu meminta orang yang berkemampuan berbahasa Arab supaya membetulkan kesilapan mereka semasa bercakap. Menurut mereka, meminta pertolongan dari orang yang berkemampuan berbahasa Arab untuk membetulkan kesilapan secara spontan lebih berkesan dan praktikal. Ini boleh juga dilaksanakan untuk membetulkan kesilapan penulisan dalam bahasa Arab. Subjek menulis ayat bahasa Arab di papan hitam dan guru membimbang pelajar untuk sama-sama berbincang kesilapan yang berlaku dan membetulkannya.

9 orang subjek Kawalan juga berbuat demikian makanala bakinya tidak melaksanakan strategi ini.

Item 47: Strategi Sosial: Saya mempraktikkan bahasa Arab dengan pelajar lain.



Rajah 4.53: Taburan subjek dalam perlaksanaan Item 47 (strategi sosial)

Berdasarkan rajah 4.53, semua subjek Eksperimen A dan 29 subjek Eksperimen B mempraktikkan bahasa Arab dengan orang lain untuk berinteraksi. Penulis mendapati ini tidak sukar dilakukan kerana mereka memang mempunyai kumpulan perbincangan yang dipanggil “Rakan” Bahasa Arab” untuk berkongsi maklumat dan pengalaman seperti yang telah dijelaskan dalam 4.4.33 dahulu.


Mempraktikkan bahasa Arab adalah strategi yang berkesan untuk “menghidupkan” bahasa Arab dalam kehidupan mereka. Bahasa ini tidak lagi dilihat sebagai maklumat yang berbentuk kaedah atau teori yang perlu di pelajari, dihafal dan digunakan untuk menjawab soalan peperiksaan semata-mata.

Hanya 11 orang subjek Kawalan turut berbuat demikian, manakala bakinya (19 orang) tidak melaksanakan strategi ini.

Item 48: Strategi Sosial: Saya minta bantuan dari orang yang berkemampuan dalam berbahasa Arab.


Semua subjek Eksperimen A dan 29 orang subjek Eksperimen B meminta bantuan dari orang yang berkemampuan dalam berbahasa Arab iaitu dari guru atau rakan yang lebih berkemampuan samada untuk menjelaskan apa yang tidak difahami atau memastikan bahasa Arab mereka (percakapan atau penulisan) betul atau silap. Dengan melaksanakan strategi bekerjasama ini, subjek akan berada lebih hampir dengan makna dan penggunaan bahasa Arab yang tepat dan dapat meluaskan lagi medan maklumat bahasa Arab.

7 orang subjek Kawalan turut memanfaatkan tindakan ini dan bakinya seramai 23 orang tidak melaksanakan strategi ini. Ini dijelaskan dalam rajah 4.54 berikut:



Rajah 4.54: Taburan subjek dalam perlaksanaan Item 48 (strategi sosial)


Item 49: Strategi Sosial: Saya bertanya soalan-soalan dalam bahasa Arab.



Rajah 4.55: Taburan subjek dalam perlaksanaan Item 49 (strategi sosial)

Rajah 4.55 menunjukkan semua subjek Eksperimen A dan B bertanya soalan dalam bahasa Arab. Membuat ayat soalan bahasa Arab adalah asas yang paling awal untuk mempraktikkan bahasa Arab. Ayat yang digunakan biasanya pendek dan mudah. Dengan bertanya soalan dalam bahasa Arab, ia mencetuskan keinginan untuk menjawabnya juga dalam bahasa Arab. Rangsangan (soal) dan tindakbalas (jawab) dalam bahasa Arab ini berlaku secara berlarutan dan akhirnya menjadi tabiat dan kebiasaan. Seterusnya rangkaian soal jawab ini akan mewujudkan interaksi dalam bahasa Arab antara dua pihak. Walaupun di peringkat awal ia kelihatan seperti lakonan yang dibuat-buat dan terbatas kepada topik pembelajaran dalam kelas, tetapi lama-kelamaan ia menjadi kebiasaan dalam perbualan dan menyentuh aspek kehidupan di luar kelas. Hanya 3 orang subjek Kawalan kadang-kadang bertanya dalam bahasa Arab dan 27 orang lagi tidak menggunakan strategi ini.

Item 50: Strategi Sosial: Saya cuba mempelajari cara hidup penutur bahasa Arab.



Rajah 4.56: Taburan subjek dalam perlaksanaan Item 50 (strategi sosial)

Semua subjek Eksperimen A dan 28 subjek Eksperimen B cuba mempelajari cara hidup penutur Arab. Mereka cuba mendalamai kebudayaan Arab dan memahami perhubungan penutur dengan budayanya.

Perasaan empati dan perihatin akan timbul apabila mereka mula sensitif dan menjawai pemikiran dan perasaan orang lain. Lebih-lebih lagi, budaya Arab memang berkait rapat dengan tamadun kegemilangan Islam. Semakin sebatji jiwa mereka dengan cara hidup masyarakat Arab, semakin terdorong untuk mewujudkan persamaan antara mereka termasuklah dari sudut berbahasa. Penyerapan budaya ini memberi kesan positif kepada minat dan penguasaan mereka dalam bahasa Arab.

Maklumat tentang budaya dan cara hidup masyarakat Arab diperolehi melalui pembacaan di perpustakaan, menonton rencana seperti rancangan “Jejak Rasul” dan mendengar guru bahasa Arab bercerita pengalamannya belajar di negara Arab.

Penulis mendapati subjek ini lebih terdorong untuk menguasai bahasa Arab, lebih bersemangat dan seronok melakukan aktiviti pembelajaran bahasa Arab malah bercita-cita untuk melanjutkan pengajian di peringkat universiti di negara-negara Arab.

Hanya 4 orang subjek Kawalan berkongsi pengalaman ini tetapi 26 orang lagi tidak melaksanakan strategi ini.

4.5 Analisis Statistik Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab

Setelah menganalisa setiap strategi yang dilaksanakan subjek, penulis menjumlahkan skor subjek mengikut kategori strategi iaitu strategi memori, kognitif, pampasan, metakognitif, afektif dan sosial. Markah subjek dikira untuk mendapatkan skor purata dan dikelaskan kepada gred tertentu berdasarkan skala di dalam Jadual 4.21. Seterusnya, subjek dikenalpasti sebagai pengguna strategi bagi gred tinggi, sederhana atau rendah.

Jadual 4.21 Skala gred penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab bagi setiap kategori:

Gred	Penggunaan strategi	Skor Purata
Tinggi	Sangat selalu menggunakan strategi	4.5 - 5.0
	Selalu menggunakan strategi	3.5 - 4.4
Sederhana	Kadang-kadang menggunakan strategi	2.5 - 3.4
Rendah	Selalu tidak menggunakan strategi	1.5 - 2.4
	Tidak pernah menggunakan strategi	1.0 - 1.4

Subjek yang mendapat skor antara 1.0 hingga 1.4 dianggap tidak pernah menggunakan strategi. Skor antara 1.5 hingga 2.4 pula dianggap selalu tidak menggunakan strategi . Kedua-dua skala skor ini diberi gred “Rendah”.

Subjek yang mempunyai skor 2.5 hingga 3.4 pula dikira sebagai kadang-kadang menggunakan strategi dan diberi gred “Sederhana”.

Subjek yang mencapai skor 3.5 hingga 4.4 dikategorikan sebagai selalu menggunakan strategi. Pencapaian skor 4.5 hingga 5.0 pula dikategorikan sebagai sangat selalu menggunakan strategi. Kedua-dua pencapaian ini diberi gred “Tinggi”.

4.5.1 Analisis Statistik Strategi Memori

Jadual 4.22: Peratus penggunaan strategi memori.

Skor	Penggunaan strategi memori	Gred	Frekuensi	Peratus
1.0-1.4	Tidak pernah guna strategi	Rendah	12	13.3
1.5-2.4	Selalu tidak guna strategi	Rendah	18	20
2.5-3.4	Kadang-kadang guna strategi	Sederhana	0	0
3.5-4.4	Selalu guna strategi	Tinggi	44	48.9
4.5-5.0	Sangat selalu guna strategi	Tinggi	16	17.8
Jumlah			90	100

Jadual 4.22 menunjukkan 12 subjek (13.3%) tidak pernah menggunakan strategi memori dan 18 subjek (20%) selalu tidak menggunakan strategi ini. Mereka diberi gred “Rendah” dengan skor 2.4 ke bawah. Tiada subjek diberi gred “Sederhana”. Subjek yang diberi gred “Tinggi” dengan skor 3.5 hingga 5.0 pula seramai 44 orang yang selalu menggunakan strategi memori (48.9%) dan 16 orang (17.8%) yang sangat selalu menggunakanannya.

Penulis memecahkan taburan penggunaan strategi memori subjek mengikut kumpulan masing-masing. Ini boleh dilihat menerusi Jadual 4.23 berikut:

Jadual 4.23 Penggunaan strategi memori mengikut kumpulan subjek

	Kumpulan subjek			Jumlah
	Eksperimen A	Eksperimen B	Kawalan	
tak pernah guna strategi			12 13.3%	12 13.3%
selalu tak guna strategi			18 20.0%	18 20.0%
selalu guna strategi	23 25.6%	21 23.3%		44 48.9%
sangat selalu guna strategi	7 7.8%	9 10.0%		16 17.8%
Jumlah	30 33.3%	30 33.3%	30 33.3%	90 100.0%

Penulis mendapati semua subjek Eksperimen A dan B layak diberi gred “Tinggi” dalam penggunaan strategi memori kerana 44 orang (48.9%) sangat selalu menggunakan strategi dan 16 orang (17.8%) selalu menggunakannya.

Subjek Kawalan diberi gred “Rendah” kerana 12 orang (13.3%) tidak pernah menggunakan strategi dan 18 orang (20%) selalu tidak menggunakannya.

Untuk mendapatkan kepastian secara statistik, penulis mencatat purata (min) penggunaan strategi memori antara kumpulan subjek. Jadual 4.24 menjelaskan taburan min ini:

Jadual 4.24: Taburan min penggunaan strategi memori

Kumpulan subjek	N	Min
Eksperimen A	30	4.2333
Eksperimen B	30	4.3000
Kawalan	30	1.6000
Jumlah	90	3.3778

Penulis menggunakan ujian ANOVA untuk membuat perbandingan min bagi penggunaan strategi memori di antara ketiga-tiga kumpulan subjek. Menurut Zukarnain dan Hishamuddin (2001: 81-82), ANOVA ialah ringkasan kepada analisis varian yang digunakan untuk membuat perbandingan min bagi sesuatu pembolehubah dalam keadaan terdapat lebih dari dua kumpulan sampel yang terlibat.

Nilai signifikan yang diperolehi ialah (.000) iaitu lebih kecil daripada (0.05). Ini bermakna memang terdapat perbezaan yang signifikan dalam penggunaan strategi memori di antara 3 kumpulan subjek (rujuk lampiran D).

Seterusnya, analisis lanjutan dibuat untuk menjelaskan perbezaan yang wujud. Penulis memilih ujian Tukey yang membolehkan perbandingan dibuat secara berpasangan terhadap min ketiga-tiga kumpulan secara serentak. Kaedah ini juga dinamakan HSD (*honestly significant differences*). Melalui kaedah ini, semua pasangan min boleh dibandingkan dengan menggunakan satu tingkat aras keertian yang sama. Pasangan yang berbeza secara signifikan ditandakan dengan (*) ialah pasangan Eksperimen A-Kawalan dan pasangan Eksperimen B-Kawalan. Manakala pasangan Eksperimen B-Eksperimen A tiada perbezaan signifikan secara statistiknya (lihat lampiran D).

Keputusan ini membuktikan secara stastistik bahawa min penggunaan strategi memori subjek Eksperimen B dan A lebih tinggi berbanding dengan Kawalan.

4.5.2 Analisis Statistik Strategi Kognitif

Jadual 4.25: Peratus penggunaan strategi kognitif

Skor	Penggunaan strategi kognitif	Gred	Frekuensi	Peratus
1.0-1.4	Tidak pernah guna strategi	Rendah	12	13.3
1.5-2.4	Selalu tidak guna strategi	Rendah	16	17.8
2.5-3.4	Kadang-kadang guna strategi	Sederhana	7	7.8
3.5-4.4	Selalu guna strategi	Tinggi	13	14.4
4.5-5.0	Sangat selalu guna strategi	Tinggi	42	46.7
Jumlah			90	100

Jadual 4.25 menunjukkan 12 subjek (13.3%) tidak pernah menggunakan strategi kognitif dan 16 orang (17.8%) selalu tidak menggunakan strategi ini. Mereka diberi gred “Rendah” dengan skor 2.4 ke bawah. 7 subjek (7.8%) mengaku kadang-kadang menggunakan strategi kognitif dan diberi gred “Sederhana” dengan skor 2.5 hingga 3.4. Subjek yang diberi gred “Tinggi” dengan skor 3.5 hingga 5.0 pula seramai 13 orang (14.4%) yang selalu menggunakan strategi kognitif dan 42 orang (46.7) yang sangat selalu menggunakannya.

Taburan penggunaan strategi ini kemudiannya dipecahkan mengikut kumpulan subjek masing-masing. Jadual 4.26 memaparkan data berikut:

Jadual 4.26: Penggunaan strategi kognitif mengikut kumpulan subjek

	kumpulan subjek			Jumlah
	Eksperimen A	Eksperimen B	Kawalan	
tak pernah guna strategi	-		12 13.3%	12 13.3%
selalu tak guna strategi			16 17.8%	16 17.8%
kadang-kadang guna strategi		5 5.6%	2 2.2%	7 7.8%
selalu guna strategi	3 3.3%	10 11.1%		13 14.4%
sangat selalu guna strategi	27 30.0%	15 16.7%		42 46.7%
Jumlah	30 33.3%	30 33.3%	30 33.3%	90 100%

Penulis mendapati semua subjek eksperimen A layak diberikan gred "Tinggi" dalam penggunaan strategi kognitif kerana 27 orang (30%) didapati sangat selalu menggunakan strategi dan 3 orang (3.3%) selalu menggunakannya.

25 orang subjek Eksperimen B diklasifikasikan sebagai gred "Tinggi" iaitu 15 orang (16.7%) sangat selalu menggunakan strategi kognitif dan 10 orang (11.1%) selalu menggunakanannya. Manakala 5 orang bakinya (5.6%) diberi gred "Sederhana" kerana kadang-kadang menggunakan strategi ini.

Hanya 2 orang (2.2%) subjek Kawalan diberi gred "Sederhana" iaitu kadang-kadang menggunakan strategi kognitif, manakala bakinya berada di zon "Rendah" iaitu 16 orang (17.8%) selalu tidak menggunakan strategi ini dan 12 orang (13.3%) tidak pernah menggunakanannya.

Bagi mendapatkan bukti secara statistik, penulis merekodkan purata (min) penggunaan strategi kognitif antara kumpulan subjek. Jadual 4.27 menjelaskan taburan min ini:

Jadual 4.27: Taburan min penggunaan strategi kognitif

Kumpulan subjek	N	Min
Eksperimen A	30	4.9000
Eksperimen B	30	4.3333
Kawalan	30	1.6667
Jumlah	90	3.6333

Penulis menggunakan ujian ANOVA untuk membandingkan min bagi penggunaan strategi kognitif di antara ketiga-tiga kumpulan subjek. Nilai signifikan yang diperolehi ialah (.000) iaitu lebih kecil daripada (0.05). Oleh itu sudah pasti terdapat perbezaan yang signifikan dalam penggunaan strategi kognitif di antara 3 kumpulan subjek. (Rujuk lampiran D).

Berikutnya, analisis lanjutan dibuat untuk menjelaskan perbezaan yang wujud. Ujian Tukey dipilih sekali lagi untuk membolehkan perbandingan dilakukan secara berpasangan terhadap ketiga-tiga kumpulan subjek secara serentak. Melalui kaedah HSD ini, semua pasangan min dibandingkan menggunakan satu tingkat aras keertian yang sama.

Penulis mendapati ketiga-tiga pasangan ditandakan dengan (*), ini bermakna terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik antara ketiga-tiga pasangan subjek. Bacaan dapatan menunjukkan nilai signifikan pasangan Eksperimen A–Eksperimen B ialah (.001), pasangan Eksperimen A–Kawalan ialah (.000), dan pasangan Eksperimen B–Kawalan ialah (.000) iaitu semuanya lebih kecil daripada (0.05). (Lihat lampiran D).

Keputusan ini membuktikan secara statistik bahawa min penggunaan strategi kognitif subjek Eksperimen A paling tinggi, diikuti min subjek Eksperimen B di tempat kedua dan min subjek Kawalan ialah yang paling rendah.

4.5.3 Analisis Statistik Strategi Pampasan

Jadual 4.28: Peratus penggunaan strategi pampasan

Skor	Penggunaan strategi pampasan	Gred	Frekuensi	Peratus
1.0-1.4	Tidak pernah guna strategi	Rendah	11	12.2
1.5-2.4	Selalu tidak guna strategi	Rendah	14	15.6
2.5-3.4	Kadang-kadang guna strategi	Sederhana	10	11.1
3.5-4.4	Selalu guna strategi	Tinggi	11	12.2
4.5-5.0	Sangat selalu guna strategi	Tinggi	44	48.9
Jumlah			90	100

Berdasarkan jadual 4.28, 11 subjek (12.2%) tidak pernah menggunakan strategi pampasan dan 14 orang (15.6%) selalu tidak menggunakan strategi ini , lalu mereka diberi gred “Rendah” kerana skor hanya 2.4 ke bawah. 10 subjek (11.1%) didapati kadang-kadang menggunakan strategi ini dan mereka mendapat gred “Sederhana”. Subjek yang diberi gred “Tinggi” kerana mencapai skor 3.5 hingga 5.0 pula seramai 11 orang (12.2%) selalu menggunakan strategi pampasan dan 44 orang (48.9%) sangat selalu menggunakannya.

Taburan peratus penggunaan strategi pampasan ini seterusnya dipecahkan mengikut kumpulan subjek masing-masing sebagaimana yang dipaparkan dalam jadual 4.29 berikut:

Jadual 4.29 Penggunaan strategi pampasan mengikut kumpulan subjek

	kumpulan subjek			Jumlah
	Eksperimen A	Eksperimen B	Kawalan	
tak pernah guna strategi			11 12.2%	11 12.2%
selalu tak guna strategi			14 15.6%	14 15.6%
kadang-kadang guna strategi		5 5.6%	5 5.6%	10 11.1%
selalu guna strategi	4 4.4%	7 7.8%		11 12.2%
sangat selalu guna strategi	26 28.9%	18 20.0%		44 48.9%
Jumlah	30 33.3%	30 33.3%	30 33.3%	90 100%

Semua subjek Eksperimen A didapati layak mendapat gred “Tinggi” dalam penggunaan strategi pampasan kerana majoriti iaitu 26 orang (28.9%) didapati sangat selalu menggunakan strategi ini dan 4 orang (4.4%) lagi selalu menggunakannya.

25 orang subjek Eksperimen B juga diberi gred “Tinggi” kerana 18 orang (20%) sangat selalu menggunakan strategi pampasan ini dan 7 orang (7.8%) pula selalu menggunakan strategi ini. Manakala bakinya iaitu 5 orang (5.6%) diberi gred “Sederhana” kerana didapati kadang-kadang menggunakan strategi ini.

Hanya 5 orang (5.6%) subjek Kawalan diberikan gred “Sederhana” iaitu kadang-kadang menggunakan strategi pampasan, manakala majoritinya kekal di gred “Rendah” iaitu 11 orang (12.2%) tidak pernah menggunakan strategi pampasan dan 114 orang (15.6%) selalu tidak menggunakan strategi pampasan.

Langkah berikutnya, penulis menyenaraikan purata (min) penggunaan strategi pampasan antara kumpulan subjek untuk mendapatkan bukti perbezaannya secara statistik. Ini dijelaskan dalam jadual 4.30 berikut:

Jadual 4.30: Taburan min penggunaan strategi pampasan

Kumpulan subjek	N	Min
Eksperimen A	30	4.8667
Eksperimen B	30	4.4333
Kawalan	30	1.8000
Jumlah	90	3.7000

Ujian ANOVA digunakan untuk membuat perbandingan min bagi penggunaan strategi pampasan di antara ketiga-tiga kumpulan subjek. Nilai signifikan yang dicatatkan ialah (.000) iaitu lebih kecil daripada (0.05). Ini bermakna memang terdapat perbezaan yang signifikan dalam penggunaan strategi pampasan di antara 3 kumpulan subjek. (Rujuk lampiran D).

Seterusnya, analisis lanjutan dilakukan untuk menghuraikan perbezaan yang wujud. Ujian Tukey digunakan bagi melakukan perbandingan secara berpasangan ke atas ketiga-tiga kumpulan subjek secara serentak. Menerusi kaedah HSD ini, semua pasangan min dibandingkan menggunakan satu tingkat aras keertian yang sama.

Penulis mendapati sekali lagi ketiga-tiga pasangan ditandakan dengan (*), ini bermaksud terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik antara ketiga-tiga pasangan subjek. Nilai signifikan pasangan Eksperimen A–Eksperimen B ialah (.028), pasangan Eksperimen A–Kawalan (.000) dan pasangan Eksperimen B–Kawalan (.000).

Keputusan ini telah membuktikan secara statistik bahawa min penggunaan strategi pampasan subjek Eksperimen A adalah paling tinggi, diikuti oleh Eksperimen B dan min subjek Kawalan berada di kedudukan paling rendah.

4.5.4 Analisis Statistik Strategi Metakognitif

Jadual 4.31: Peratus penggunaan strategi metakognitif

Skor	Penggunaan strategi metakognitif	Gred	Frekuensi	Peratus
1.0-1.4	Tidak pernah guna strategi	Rendah	12	13.3
1.5-2.4	Selalu tidak guna strategi	Rendah	15	16.7
2.5-3.4	Kadang-kadang guna strategi	Sederhana	4	4.4
3.5-4.4	Selalu guna strategi	Tinggi	43	47.8
4.5-5.0	Sangat selalu guna strategi	Tinggi	16	17.8
Jumlah			90	100

Jadual jadual 4.31, 12 subjek (13.3%) tidak pernah menggunakan strategi metakognitif dan 15 orang (16.7%) selalu tidak menggunakannya, oleh itu mereka diletakkan di gred “Rendah” kerana memiliki skor 2.4 ke bawah. 4 subjek (4.4%) kadang-kadang menggunakan strategi ini, lau diberi gred “Sederhana” dengan skor 2.5-3.4. Subjek yang mencapai skor 3.5-5.0 diberi gred “Tinggi” seramai 43 orang (47.8%) kerana selalu menggunakan strategi metakognitif dan 16 orang (17.8%) sangat selalu menggunakan strategi ini.

Penulis kemudiannya memecahkan taburan penggunaan strategi metakognitif ini mengikut kumpulan subjek masing-masing. Data tersebut terdapat dalam jadual 4.32 yang berikut:

Jadual 4.32: Penggunaan strategi pampasan mengikut kumpulan subjek

	kumpulan subjek			Jumlah
	Eksperimen A	Eksperimen B	Kawalan	
tak pernah guna strategi			12 13.3%	12 13.3%
selalu tak guna strategi			15 16.7%	15 16.7%
kadang-kadang guna strategi		1 1.1%	3 3.3%	4 4.4%
selalu guna strategi	20 22.2%	23 25.6%		43 47.8%
sangat selalu guna strategi	10 11.1%	6 6.7%		16 17.8%
Jumlah	30 33.3%	30 33.3%	30 33.3%	90 100%

Semua subjek Eksperimen A didapati mencapai gred “Tinggi” dalam penggunaan strategi metakognitif kerana 10 orang (11.1%) sangat selalu menggunakan strategi metakognitif dan 20 orang (22.2%) selalu menggunakannya.

29 subjek Eksperimen B juga diberi gred “Tinggi” kerana 6 orang (6.7%) sangat selalu menggunakan strategi metakognitif dan 23 orang (25.6%) selalu menggunakannya. Hanya seorang (1.1%) dianggap “Sederhana” kerana kadang-kadang menggunakannya.

Hanya 3 orang (3.3%) subjek Kawalan diberi tahap “Sederhana” kerana menggunakan strategi metakognitif sekali-sekala, manakala majoritinya berada di tahap “Rendah” kerana 15 orang (16.7%) selalu tidak menggunakan strategi metakognitif ini dan 12 orang (13.3%) tidak pernah menggunakannya.

Seterusnya, penulis merekodkan min penggunaan strategi metakognitif di antara semua kumpulan subjek untuk mendapatkan bukti perbezaannya secara statistik sebagaimana tercatat dalam jadual 4.33 berikut:

Jadual 4.33: Taburan min penggunaan strategi metakognitif

Kumpulan subjek	N	Min
Eksperimen A	30	4.3333
Eksperimen B	30	4.1667
Kawalan	30	1.7000
Jumlah	90	3.4000

Ujian ANOVA digunakan untuk membandingkan min bagi penggunaan strategi metakognitif di antara semua kumpulan subjek. Nilai signifikan yang dicatatkan ialah (.000) iaitu lebih kecil daripada (.05). Ini bermakna memang wujud perbezaan yang signifikan dalam penggunaan strategi kognitif di antara 3 kumpulan subjek (lihat lampiran D).

Penulis melanjutkan analisis untuk menjelaskan perbezaan yang wujud. Ujian Tukey digunakan untuk membandingkan ketiga-tiga kumpulan subjek serentak secara berpasangan. Kaedah HSD digunakan untuk membandingkan pasangan min menggunakan satu tingkat aras keertian yang sama.

Pasangan yang berbeza secara signifikan ditandakan dengan (*) ialah pasangan min Eksperimen A–Kawalan dengan nilai signifikannya (.000) dan pasangan min Eksperimen B–Kawalan dengan nilai signifikannya juga (.000). Manakala pasangan

min Eksperimen A–Eksperimen B tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan secara statistiknya (lihat lampiran D).

Keputusan ini membuktikan secara statistik bahawa min penggunaan strategi metakognitif subjek Eksperimen A dan B lebih tinggi berbanding dengan min subjek Kawalan.

4.5.5 Analisis Statistik Strategi Afektif

Jadual 4.34: Peratus penggunaan strategi afektif

Skor	Penggunaan strategi afektif	Gred	Frekuensi	Peratus
1.0-1.4	Tidak pernah guna strategi	Rendah	8	8.9
1.5-2.4	Selalu tidak guna strategi	Rendah	15	16.7
2.5-3.4	Kadang-kadang guna strategi	Sederhana	19	21.1
3.5-4.4	Selalu guna strategi	Tinggi	0	0
4.5-5.0	Sangat selalu guna strategi	Tinggi	48	53.3
Jumlah			90	100

Jadual 4.34 menunjukkan seramai 23 orang diberi gred “Rendah” dengan skor hanya 2.4 ke bawah iaitu 8 subjek (8.9%) tidak pernah menggunakan strategi afektif dan 15 orang (16.7%) selalu tidak menggunakannya. 19 orang (21.1%) subjek pula berada di tahap “Sederhana” dengan skor 2.5 – 3.4. Manakala 48 orang (53.3%) subjek mencapai tahap “Tinggi” dengan catatan skor 3.5-5.0 kerana semuanya didapati sangat selalu menggunakan strategi afektif ini.

Kemudian, melalui jadual 4.35 berikut, penulis memaparkan taburan penggunaan strategi yang telah dipecahkan mengikut kumpulan subjek masing-masing.

Jadual 4.35: Penggunaan strategi afektif mengikut kumpulan subjek

	kumpulan subjek			Jumlah
	Eksperimen A	Eksperimen B	Kawalan	
tak pernah guna strategi			8 8.9%	8 8.9%
selalu tak guna strategi			15 16.7%	15 16.7%
kadang-kadang guna strategi		12 13.3%	7 7.8%	19 21.1%
sangat selalu guna strategi	30 33.3%	18 20.0%		48 53.3%
Jumlah	30 33.3%	30 33.3%	30 33.3%	90 100%

Semua subjek Eksperimen A didapati sangat selalu menggunakan strategi afektif dan layak mencapai gred “Tinggi”.

Semua subjek Eksperimen B juga diberi gred “Tinggi” kerana 18 orang (20%) sangat selalu menggunakan strategi afektif dan 12 orang (13.3%) selalu menggunakanannya.

Hanya 7 orang (7.8%) subjek Kawalan didapati kadang-kadang menggunakan strategi afektif dan diberi gred “Sederhana”. Manakala bakinya hanya berada di tahap “Rendah” iaitu 15 orang (16.7%) selalu tidak menggunakan strategi ini dan 8 orang (8.9%) tidak pernah menggunakanannya.

Untuk mendapatkan bukti secara statistik, penulis merekaodkan min penggunaan strategi afektif antara kumpulan subjek didalam jadual 4.36 berikut:

Jadual 4.36: Taburan min penggunaan strategi afektif

Kumpulan subjek	N	Min
Eksperimen A	30	5.0000
Eksperimen B	30	4.2000
Kawalan	30	1.9667
Jumlah	90	3.7222

Ujian ANOVA digunakan untuk membuat perbandingan min bagi penggunaan strategi afektif di antara ketiga-tiga kumpulan subjek. Nilai signifikan yang dicatatkan ialah (.000) iaitu lebih kecil daripada (.05). Ini bermakna terdapat perbezaan yang signifikan dalam penggunaan strategi afektif di antara 3 kumpulan subjek (lihat lampiran D).

Seterusnya, penulis membuat analisis lanjutan untuk menghuraikan dengan lebih jelas perbezaan yang wujud. Ujian Tukey dipilih supaya perbandingan secara pasangan min dapat dibuat serentak. Kaedah HSD ini membandingkan pasangan min dengan menggunakan satu tingkat aras keertian yang sama.

Hasilnya, ketiga-tiga pasangan min ditandakan dengan (*) yang bermaksud memang wujud perbezaan yang signifikan antara ketiga-tiga pasangan subjek. Nilai signifikan yang diperolehi bagi semua pasangan subjek ialah (.000) iaitu lebih kecil daripada (.05).

Keputusan ini telah membuktikan secara statistik bahawa min penggunaan strategi afektif subjek Eksperimen A paling tinggi, min subjek Eksperimen di tempat kedua dan min yang paling rendah dimiliki oleh subjek Kawalan.

4.5.6 Analisis Statistik Strategi Sosial

Jadual 4.37: Peratus penggunaan strategi sosial

Skor	Penggunaan strategi sosial	Gred	Frekuensi	Peratus
1.0-1.4	Tidak pernah guna strategi	Rendah	8	8.9
1.5-2.4	Selalu tidak guna strategi	Rendah	22	24.4
2.5-3.4	Kadang-kadang guna strategi	Sederhana	3	3.3
3.5-4.4	Selalu guna strategi	Tinggi	38	42.2
4.5-5.0	Sangat selalu guna strategi	Tinggi	19	21.1
Jumlah			90	100

Berdasarkan jadual 4.37, 8 subjek (8.9%) tidak pernah menggunakan strategi sosial dan 22 orang (24.2%) selalu tidak menggunakannya. Mereka dilabelkan dengan tahap “Rendah”. Manakala 3 subjek dianggap bertahap “Sederhana” kerana didapati kadang-kadang menggunakan strategi ini. Subjek yang mencapai tahap “Tinggi” ialah seramai 38 orang (42.2%) yang selalu menggunakan strategi sosial dan 19 orang (21.1%) sangat selalu menggunakannya.

Jadual 4.38 Penggunaan strategi sosial mengikut kumpulan subjek

	kumpulan subjek			Jumlah
	Eksperimen A	Eksperimen B	Kawalan	
tak pernah guna strategi			8 8.9%	8 8.9%
selalu tak guna strategi			22 24.4%	22 24.4%
kadang-kadang guna strategi		3 3.3%		3 3.3%
selalu guna strategi	17 18.9%	21 23.3%		38 42.2%
sangat selalu guna strategi	13 14.4%	6 6.7%		19 21.1%
Jumlah	30 33.3%	30 33.3%	30 33.3%	90 100%

Semua subjek Eksperimen A mencapai tahap “Tinggi” di mana 13 orang (14.4%) sangat selalu menggunakan strategi sosial dan 17 orang (18.9%) selalu menggunakannya.

Majoriti subjek Eksperimen B juga mencapai tahap “Tinggi” kerana 6 subjek (6.7%) sangat selalu menggunakan strategi sosial dan 21 orang (23.3%) selalu menggunakannya. Bakinya seramai 3 orang (3.3%) yang didapati kadang-kadang menggunakan strategi ini diberi gred “Sederhana”.

Semua subjek Kawalan diberi gred “Rendah” kerana majoritinya seramai 22 orang (24.4%) selalu tidak menggunakan strategi sosial dan 8 orang (8.9%) tidak pernah menggunakannya.

Penulis melaksanakan langkah berikutnya iaitu menyenaraikan min penggunaan strategi sosial bagi setiap kumpulan untuk melihat perbezaannya secara statistik.

Jadual 4.39: Taburan min penggunaan strategi sosial

Kumpulan subjek	N	Min
Eksperimen A	30	4.4333
Eksperimen B	30	4.1000
Kawalan	30	1.7333
Jumlah	90	3.4222

Penggunaan ujian ANOVA dilakukan untuk membandingkan min penggunaan strategi sosial di antara ketiga-tiga kumpulan subjek. Nilai signifikan yang diperolehi ialah

(.000) iaitu lebih kecil daripada (.05). Ini bermakna wujud perbezaan yang signifikan dalam penggunaan strategi sosial di antara 3 kumpulan subjek (lihat lampiran D). Seterusnya, analisis lanjutan dilakukan untuk menjelaskan secara terperinci perbezaan yang wujud. Ujian Tukey dipilih bagi membuat perbandingan serentak min antara kumpulan subjek secara berpasangan. Kaedah HSD ini menggunakan satu tingkat aras keertian yang sama semasa membandingkan min pasangan subjek.

Penulis mendapati ketiga-tiga pasangan min ditandakan dengan (*), yang bermakna terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik antara ketiga-tiga pasangan subjek. Nilai signifikan pasangan subjek Eksperimen A–Eksperimen B ialah (.031), pasangan Eksperimen A–Kawalan (.000) dan pasangan Eksperimen B–Kawalan juga (.000) iaitu semuanya lebih kecil daripada (.05).

Keputusan ini dengan jelas membuktikan bahawa min penggunaan strategi sosial bagi subjek Eksperimen A paling tinggi, diikuti min subjek Eksperimen B di tempat kedua dan min subjek Kawalan didapati paling rendah.

4.6 Analisis Keputusan Ujian Bertulis Pra dan Pos:

Penulis menggunakan keputusan mata pelajaran Bahasa Arab Tinggi bagi Peperiksaan Pertengahan Tahun sebagai Ujian Pra dan keputusan mata pelajaran Bahasa Arab Tinggi bagi Peperiksaan Akhir Tahun bagi Ujian Pos.

Kedua-dua ujian ini berguna untuk mengukur tahap pencapaian bahasa Arab subjek. Ujian Pos diadakan pada akhir Semester Pertama Persekolahan (7 haribulan Mei 2000) iaitu sebelum tempoh pemerhatian dan perlaksanaan strategi pembelajaran Bahasa Arab

dijalankan. Manakala Ujian Pos pula dijalankan pada akhir Semester Kedua Persekolahan (12 hari bulan Oktober 2000). Ia diadakan selepas subjek mengisi borang soal selidik Bahagian 2 dan 3 di akhir tempoh pemerhatian dan perlaksanaan strategi pembelajaran bahasa Arăb.

Kedua-dua ujian menggunakan skema soalan yang sama berdasarkan format peperiksaan Bahasa Arab Tinggi di dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Soalan digubal mengikut topik yang telah diajar berdasarkan Sukatan Pelajaran Bahasa Arab Tinggi Tingkatan 4. Peperiksaan mata pelajaran Bahasa Arab Tinggi ini meliputi Kertas 1 yang mengandungi 3 soalan iaitu penulisan karangan, meringkaskan karangan dan menterjemahkan petikan ke dalam bahasa Arab. Kertas 2 pula mengandungi 5 soalan iaitu kefahaman, merumuskan isi penting dari petikan, membuat soalan dari petikan, soalan kemahiran leksikel seperti mengisi tempat kosong, pecahan leksikel (musyataqat kalimat), antonim dan sinonim, soalan tata bahasa, morfologi (saraf), retorik (balaghah) dan penghuraian ungkapan tertentu. Skala gred pemarkahan juga dibuat mengikut penetapan gred pemarkahan Sijil Pelajaran Malaysia sebagaimana yang dicatatkan di dalam jadual 4.40 berikut:

Jadual 4.40 Skala gred markah SPM

Markah	Gred	Catatan
75-100	A1	Cemerlang
70-74	A2	
65-69	B3	Kepujian
60-64	B4	
55-59	C5	Kepujian
50-54	C6	
45-49	D7	Lulus
40-44	E8	Lulus
0-39	G9	Gagal

Subjek kumpulan Eksperimen A dan B adalah di kalangan pelajar dari 3 buah kelas yang diajar sendiri oleh penulis dan subjek kumpulan Kawalan terdiri dari pelajar 2 buah kelas yang diajar oleh guru lain. Subjek Eksperimen A adalah dari pelajar aliran Sains/Pengajian Islam dan subjek Eksperimen B dari pelajar aliran Teknik Kejuruteraan /Pengajian Islam manakala subjek Kawalan dari pelajar aliran Sastera (Perakaunan)/Pengajian Islam.

Penulis telah bekerjasama dengan guru tersebut dalam proses menggubal soalan. Penulis diberi peluang untuk memeriksa sendiri semua kertas jawapan subjek berdasarkan skema jawapan yang telah dipersetujui.

Jadual 4.41 Pencapaian Ujian Pra mengikut kumpulan subjek

	kumpulan subjek			Jumlah
	Eksperimen A	Eksperimen B	Kawalan	
G9 = 0-39	7 7.8%	3 3.3%		10 11.1%
E8 = 40-44	8 8.9%			8 8.9%
D7 = 45-49	12 13.3%	4 4.4%	5 5.6%	21 23.3%
C6 = 50-54	2 2.2%	3 3.3%	11 12.2%	16 17.8%
C5 = 55-59	1 1.1%	4 4.4%	9 10.0%	14 15.6%
B4 = 60-64		5 5.6%	3 3.3%	8 8.9%
B3 = 65-69		5 5.6%	1 1.1%	6 6.7%
A2 = 70-74		3 3.3%	1 1.1%	4 4.4%
A1 = 75-100		3 3.3%		3 3.3%
Jumlah	30 33.3%	30 33.3%	30 33.3%	90 100.0%

Berdasarkan jadual 4.41, pencapaian subjek secara keseluruhannya dalam Ujian Pra tidak boleh dibanggakan. Walaupun semua subjek telah berjaya dengan cemerlang dalam mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi dalam Penilaian Menengah Rendah sebagaimana yang direkodkan dalam Rajah 4.4 yang lalu, penulis mendapati keputusan Ujian Pra ini sangat membimbangkan. Hanya 3 orang mendapat A1, 4 orang A2, 6 orang B3, 8 orang B4, 14 orang C5, 16 orang C6, 21 orang D7 , 8 orang E8 dan 10 orang gagal.

Keputusan Ujian Pra subjek Eksperimen A amat tidak memuaskan. Pencapaian tertinggi hanyalah seorang subjek pada tahap C5 dengan markah antara 55% hingga 59 % , diikuti seorang lagi subjek mendapat C6, 8 orang mendapat E8 dan 7 orang gagal . Ini sangat mengejutkan kerana ia berbeza dengan pencapaian mereka dalam Bahasa Arab Komunikasi di peringkat Penilaian Menengah Rendah dahulu (rujuk Jadual 4.6).

Keputusan subjek kumpulan Eksperimen B agak baik sedikit kerana 3 orang berjaya mendapat A1, 3 orang A2, 5 orang B3, 5 orang B4, 4 orang C5, 3 orang dan C6 4. Walau bagaimanapun, masih terdapat 4 orang mendapat D7 dan 3 orang gagal.

Subjek kumpulan Kawalan lulus semuanya tetapi kualitinya di tahap sederhana. Hanya seorang mendapat A2, seorang B3, 3 orang B4, 9 orang C5, 11 orang C6 dan 5 orang D7.

Penulis telah dipilih oleh pentadbir sekolah untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh pelajar aliran Sains/Pengajian Islam ini seperti yang dinyatakan dalam 3.3 dahulu, lalu mengambil keputusan untuk memilih mereka sebagai subjek utama (Eksperimen A) serta memperkenalkan dan memimpin subjek melaksanakan strategi pembelajaran

bahasa Arab. Subjek kumpulan Eksperimen B juga dipilih untuk mempertingkatkan prestasi mereka. Subjek Kawalan tetap diajar oleh guru mereka tetapi penulis diizinkan untuk melakukan tinjauan dan pemerhatian sepanjang tempoh kajian.

Jadual 4.42 Pencapaian Ujian Pos mengikut kumpulan subjek

	kumpulan subjek			Jumlah
	Eksperimen A	Eksperimen B	Kawalan	
G9 = 0-39			5 5.6%	5 5.6%
E8 = 40-44			5 5.6%	5 5.6%
D7 = 45-49			4 4.4%	4 4.4%
C6 = 50-54			5 5.6%	5 5.6%
C5 = 55-59		1 1.1%	5 5.6%	6 6.7%
B4 = 60-64	1 1.1%	4 4.4%	6 6.7%	11 12.2%
B3 = 65-69	6 6.7%	9 10.0%		15 16.7%
A2 = 70-74	13 14.4%	7 7.8%		20 22.2%
A1 = 75-100	10 11.1%	9 10.0%		19 21.1%
Jumlah	30 33.3%	30 33.3%	30 33.3%	90 100.0%

Subjek Eksperimen A berjaya mencatatkan peningkatan yang cemerlang dalam Ujian Pos ini kerana semua subjek mendapat gred A dan B. Seramai 10 orang mendapat A1, 13 orang A2 6 orang B3 dan seorang sahaja mendapat B4.

Subjek Eksperimen B juga menunjukkan peningkatan di mana 9 orang mendapat A1, 7 orang A2, 9 orang B3, 4 orang B4 dan seorang C5.

Keputusan Ujian Pos subjek Kawalan pula merosot jika dibandingkan dengan Ujian Pra. Di dalam Ujian Pos, 6 orang hanya mendapat B4, 5 orang mendapat C5 dan orang mendapat C6. Malahan 4 orang hanya mendapat D7, 5 orang E8 dan 5 orang pula gagal.

4.7 Kolerasi Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab Dengan Situasi Pembelajaran dan Keputusan Ujian Bertulis

Berdasarkan pemerhatian penulis, tujuan subjek mempelajari bahasa Arab mempunyai perkaitan dengan penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab. Pelajar yang belajar bahasa Arab kerana ingin melanjutkan pelajaran ke negara Arab dan memang cenderung dan suka menguasai bahasa Arab lebih terdorong dan kerap menggunakan strategi pembelajaran bahasa Arab. Ini dibuktikan secara statistik di dalam jadual 4.43 berikut:

Jadual 4.43 Kolerasi tujuan belajar bahasa Arab dengan penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab.

Correlations

			penggunaan sill secara keseluruhan	tujuan belajar ba
Spearman's rho	penggunaan sill secara keseluruhan	Correlation Coefficient Sig. (2-tailed) N	1.000 . . 90	.606* .000 90
	tujuan belajar BA	Correlation Coefficient Sig. (2-tailed) N	.606* .000 90	1.000 . . 90

**. Correlation is significant at the .01 level (2-tailed).

Dalam output kolerasi pangkat Spearman, nilai pekali kolerasi yang ditanda (*) adalah signifikan pada aras keertian (0.01) ujian dua hujung. Seterusnya, penulis mendapati nilai pekali kolerasi antara keduanya ialah (.606). Keputusan ini bermaksud secara statistiknya terdapat perkaitan antara tujuan belajar bahasa Arab dengan penggunaan strategi bahasa Arab.

Jadual 4.44: Kolerasi suasana pembelajaran bahasa Arab dengan perlaksanaan strategi

Correlations

			penggunaan sill secara keseluruhan
Spearman's rho	penggunaan sill secara keseluruhan	Correlation Coefficient	1.000
		Sig. (2-tailed)	.
		N	90
	guru tunjukkan cara belajar dgn teratur	Correlation Coefficient	.860*
		Sig. (2-tailed)	.000
		N	90
	berpeluang pilih tajuk karangan/tugas	Correlation Coefficient	.762*
		Sig. (2-tailed)	.000
		N	90
	berpeluang aktif dlm aktiviti P&P BA di kelas	Correlation Coefficient	.858*
		Sig. (2-tailed)	.000
		N	90
	berpeluang guna bahan bacaan BA tambahan	Correlation Coefficient	.822*
		Sig. (2-tailed)	.000
		N	90
	berpeluang bertanya/menjawab dlm kelas	Correlation Coefficient	.798*
		Sig. (2-tailed)	.000
		N	90
	seronok belajar BA dlm kelas	Correlation Coefficient	.789*
		Sig. (2-tailed)	.000
		N	90

**. Correlation is significant at the .01 level (2-tailed).

Berdasarkan jadual 4.44, penulis mengaitkan penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab dengan suasana pembelajaran bahasa Arab di dalam kelas dan mengukurnya secara statistik menggunakan kolerasi pangkat Spearman.

Berdasarkan output, semua nilai pekali kolerasi bertanda (*) dan signifikan pada aras keertian (0.01) ujian dua hujung. Nilai pekali yang diperolehi menunjukkan terdapat kolerasi yang tinggi antara penggunaan strategi dengan suasana pembelajaran bahasa Arab di kelas. Menurut Zulkarnain Zakaria dan Hishamudin Md. Som (2001: 92), nilai pekali antara (0.70) hingga (0.90) dianggap mempunyai kolerasi tinggi.

Penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab didapati mempunyai hubungan rapat dengan suasana pembelajaran bahasa Arab di dalam kelas. Nilai kolerasi paling tinggi ialah pertaliannya dengan guru menunjukkan cara belajar dengan teratur iaitu (.860), diikuti dengan subjek berpeluang aktif dalam aktiviti pembelajaran dan pengajaran di kelas (.858), subjek berpeluang menggunakan bahan bacaan bahasa Arab tambahan (.822), subjek berpeluang bertanya dan menjawab dalam kelas (.798), subjek merasa seronok belajar bahasa Arab di dalam kelas (.789) dan subjek berpeluang memilih tajuk karangan atau tugas (.762).

Kemudian, penulis menyingkap pertalian penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab dengan minat dan motivasi subjek Data tersebut dicatat dalam jadual 4.45 berikut:

Jadual 4.45: Kolerasi penggunaan strategi dengan minat dan motivasi subjek

Correlations

		penggunaan SILL secara keseluruhan	
Spearman's rho	penggunaan sill secara keseluruhan	Correlation Coefficient Sig. (2-tailed) N	1.000 . . 90
	minat belajar BA	Correlation Coefficient Sig. (2-tailed) N	.863* .000 90
	BA mudah dipelajari	Correlation Coefficient Sig. (2-tailed) N	.867* .000 90
	tanggapan pada tahap pencapaian BA sekarang	Correlation Coefficient Sig. (2-tailed) N	.841* .000 90
	saya lebih yakin untuk periksa sekarang	Correlation Coefficient Sig. (2-tailed) N	.848* .000 90
	tak putus asa, guna strategi jika sukar belajar BA	Correlation Coefficient Sig. (2-tailed) N	.863* .000 90
	sasaran SPM BA tahun hadapan	Correlation Coefficient Sig. (2-tailed) N	.759* .000 90
	akan terus belajar BA hingga ke peringkat	Correlation Coefficient Sig. (2-tailed) N	.781* .000 90

**. Correlation is significant at the .01 level (2-tailed).

Output menunjukkan bahawa semua nilai pekali kolerasi ditanda (*) dan signifikan pada aras keertian (0.01) ujian dua hujung. Nilai pekali yang diperolehi juga membuktikkan terdapat kolerasi yang tinggi (antara 0.70 hingga 0.90) di antara penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab dengan kesannya iaitu minat dan motivasi subjek.

Penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab didapati mempunyai hubungan rapat dengan minat subjek untuk terus mempelajari bahasa Arab (.863), persepsi subjek bahawa bahasa Arab mudah dipelajari (.867), tanggapan positif subjek pada tahap pencapaian mereka di dalam bahasa Arab pada masa itu (.841), keyakinan subjek untuk menghadapi peperiksaan bahasa Arab (.848), keazaman dan kekuatan subjek untuk menghadapi kesukaran semasa belajar bahasa Arab tanpa putus asa (.863), subjek meletakkan sasaran tinggi untuk pencapaian Bahasa Arab Tinggi dalam SPM (.759) dan subjek merasa ter dorong untuk meneruskan pembelajaran bahasa Arab hingga ke peringkat yang lebih tinggi (.781).

Seterusnya, untuk menghuraikan kesan penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab secara keseluruhan dengan pencapaian subjek, penulis menggunakan ujian kolerasi linear Pearson. Kemudian, huraian ini diperincikan kepada penggunaan setiap komponen strategi dan hubungannya dengan pencapaian Ujian Pos subjek. Maklumat ini dianalisis berdasarkan data yang direkodkan dalam jadual 4.46 berikut:

Jadual 4.46: Kolerasi Ujian Pos dengan penggunaan strategi dan komponennya

Correlations

		ujian 2 = ujian pos
ujian 2 = ujian post	Pearson Correlation	1.000
	Sig. (2-tailed)	.
	N	90
penggunaan sill secara keseluruhan	Pearson Correlation	.912*
	Sig. (2-tailed)	.000
	N	90
memori	Pearson Correlation	.785*
	Sig. (2-tailed)	.000
	N	90
kognitif	Pearson Correlation	.851*
	Sig. (2-tailed)	.000
	N	90
gantirugi	Pearson Correlation	.872*
	Sig. (2-tailed)	.000
	N	90
metakognitif	Pearson Correlation	.841*
	Sig. (2-tailed)	.000
	N	90
afektif	Pearson Correlation	.816*
	Sig. (2-tailed)	.000
	N	90
sosial	Pearson Correlation	.841*
	Sig. (2-tailed)	.000
	N	90

**. Correlation is significant at the 0.01 level
(2-tailed).

Output membuktikan bahawa semua nilai pekali kolerasi bertanda (*) dan signifikan pada aras keertian (0.01) ujian dua hujung. Nilai pekali yang diperolehi menunjukkan terdapat kolerasi yang sangat tinggi (.912) antara penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab secara keseluruhannya dengan keputusan pencapaian subjek dalam Ujian Pos.

Pencapaian subjek dalam Ujian Pos juga mempunyai hubungan yang paling tinggi dan erat dengan penggunaan strategi pampasan atau gantirugi iaitu (.872), strategi kognitif (.851), strategi metakognitif (.841), strategi sosial (.841), strategi afektif (.816) dan strategi memori (.785).⁷

4.8 Masalah Subjek Semasa Pembelajaran Bahasa Arab:

Menurut Kamus Dewan (1996: 863), **masalah** didefinisikan sebagai sesuatu yang memerlukan penyelesaian, perkara atau keadaan yang menimbulkan kesukaran (kesulitan).

Penulis membuat kesimpulan bahawa kesulitan mempelajari dan menguasai bahasa Arab bukan kerana bahasa Arab adalah bahasa yang sukar dipelajari. Ia sebenarnya berpunca dari masalah pelajar yang tidak tahu cara belajar bahasa Arab dengan berkesan dan tidak memahami dengan jelas kegunaan mempelajari bahasa Arab. Kedua-dua perkara inilah yang menimbulkan kesulitan sepanjang pembelajaran bahasa Arab dan akhirnya melunturkan minat mereka untuk terus mempelajarinya dan melemahkan pencapaian mereka dalam peperiksaan.

Dalam konteks kajian ini, penulis memberi tumpuan kepada punca kelemahan subjek Kawalan menguasai bahasa Arab berdasarkan kemerosotan keputusan peperiksaan mereka dalam Ujian Pos dan kesan negatif ke atas minat mereka mempelajari bahasa Arab. Min minat subjek Kawalan terhadap bahasa Arab hanya 1.7000 sahaja. Keputusan Ujian Pos memaparkan mereka hanya mendapat B4 untuk pencapaian terbaik dan 5 orang hanya mendapat E8 dan 5 orang lagi gagal.

Berdasarkan pemerhatian penulis, subjek Kawalan didapati tidak terdedah kepada teknik belajar bahasa Arab yang berkesan mengakibatkan mereka merasa bosan dan pasif serta tidak tahu cara mengulangkaji bahasa Arab. Mereka juga kurang latihan formatif untuk memantapkan pembelajaran terutama sebagai persiapan untuk menghadapi peperiksaan. Situasi pembelajaran yang pasif di dalam kelas tercatat dalam jadual 4.47 berikut:

Jadual 4.47: Situasi subjek Kawalan semasa pembelajaran bahasa Arab (N=30)

Bil	Item	Amat setuju	Setuju	Tidak setuju	Amat tidak setuju
1	Guru tunjukkan cara belajar dengan teratur	-	1	19	10
2	Berpeluang aktif dalam aktiviti bahasa Arab di dalam kelas	-	-	19	11
3	Berpeluang pilih tajuk karangan atau tugas	-	-	26	4
4	Berpeluang guna bahan bacaan tambahan bahasa Arab	-	-	7	23
5	Berpeluang bertanya dan menjawab soalan dalam kelas	-	7	21	2

Kelemahan-kelemahan subjek Kawalan semasa menjawab soalan peperiksaan ialah tidak memiliki perbendaharaan item leksikel bahasa Arab yang mencukupi, sukar mempraktikkan penggunaan kaedah tatabahasa , tidak mahir menyusun ayat berlapis dengan lengkap, tidak memahami kehendak soalan peperiksaan , sukar menterjemah petikan dan terikat dengan pengaruh leksikel dan struktur ayat bahasa Melayu.

Jadual 4.48: Persepsi subjek Kawalan terhadap pembelajaran bahasa Arab (N=30)

Bil	Item	Amat setuju	Setuju	Tidak setuju	Amat tidak setuju
1	Minat untuk belajar bahasa Arab		1	19	10
2	Bahasa Arab mudah dipelajari	-	-	25	5
3	Seronok belajar bahasa Arab di dalam kelas	-	3	16	11
4	Tidak putus asa jika hadapi kesulitan semasa belajar bahasa Arab	-	3	24	3
5	Lebih yakin untuk menghadapi peperiksaan	-	-	15	15

Jadual 4.48 menunjukkan mereka tidak minat belajar bahasa Arab, menganggap bahasa Arab sukar dipelajari, tidak seronok belajar bahasa Arab, berputus asa jika menghadapi kesulitan semasa belajar bahasa Arab dan tidak yakin untuk menjalani peperiksaan bahasa Arab.

Subjek Kawalan juga tidak memahami dengan jelas kegunaan mempelajari bahasa Arab mengakibatkan mereka tiada hala tuju yang mantap dalam pembelajaran bahasa Arab. Berdasarkan 4.3.2, 3 orang belajar bahasa Arab kerana desakan keluarga, 13 orang hanya mengikuti peraturan sekolah dan 14 orang belajar bahasa Arab hanya untuk lulus periksa.

Mereka juga tidak bercadang untuk melanjutkan pembelajaran bahasa Arab ke peringkat yang tinggi. Berdasarkan 4.3.14, hanya 2 orang mahu meneruskan pembelajaran bahasa Arab di tahap diploma dan majoritinya 28 orang lagi hanya cukup belajar bahasa Arab di tahap Sijil Pelajaran Malaysia (tingkatan lima) sahaja.

4.9 Penutup

Dalam Bab Empat penulis dengan berbantuan data berstatistik telah menghuraikan biodata setiap kumpulan subjek, analisis situasi pembelajaran yang dialami setiap kumpulan subjek semasa pembelajaran bahasa Arab di dalam kelas, analisis bagi setiap kumpulan subjek dalam penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab bagi setiap item dan kategori strategi, analisis bagi setiap kumpulan subjek dalam keputusan ujian pra dan ujian pos, kolerasi penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab dengan situasi pembelajaran dan keputusan ujian bertulis dan paparan masalah pembelajaran bahasa Arab yang dihadapi oleh subjek Kawalan.

Analisis maklumat membuktikan subjek Eksperimen A yang mendominasi penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab telah mencatatkan pencapaian yang cemerlang dalam Ujian Pos dan menunjukkan minat yang memberangsangkan. Ini diikuti rapat oleh subjek Eksperimen B. Kelemahan dan persepsi negatif subjek Kawalan pula dikenalpasti berpunca dari tidak mengetahui strategi pembelajaran bahasa Arab yang berkesan dan tidak mengetahui dengan jelas tujuan dan faedah mempelajari bahasa Arab.